



MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWANNEGARA
Senate

PARLIMEN KETUJUH
Seventh Parliament

PENGGAL KETIGA
Third Session

Jilid III Bil. 21

Hari Selasa

19hb Disember, 1989

KANDUNGANNYA

MENGANGKAT SUMPAH:

Y.B. Tuan Shoib bin Endut

Y.B. Tuan Dol bin Dollah

Y.B. Tuan Saidin bin Mohamad

(Ruangan 1)

PENGUMUMAN TUAN YANG DI-PERTUA:

Mengalu-alukan Ahli-ahli Baru

(Ruangan 1)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

(Ruangan 1)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan 1990

(Ruangan 38)

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Selasa, 19hb Disember, 1989

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

MENGANGKAT SUMPAH

Ahli-ahli Yang Berhormat yang tersebut di bawah ini telah mengangkat Sumpah seperti yang disebutkan dalam Perlembagaan:

1. Tuan Shoib bin Endut
2. Tuan Dol bin Dollah
3. Tuan Saidin bin Mohamad

PENGUMUMAN TUAN YANG DI-PERTUA

MENGALU-ALUKAN AHLI-AHLI BARU

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mengucapkan selamat datang dan tahniah kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang baru mengangkat Sumpah sebentar tadi. Saya berharap semoga Ahli-ahli Yang Berhormat yang baru dipilih itu dapat memberikan sumbangan yang berguna dan berfaedah kepada Dewan ini dan kepada negara seterusnya serta semoga dapat berkhidmat dengan cemerlangnya.

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

FINAS - VIDEO LUCAH YANG DIRAMPAS

1. Tuan Hassan bin Nam minta Menteri Penerangan menyatakan iaitu berapa banyakkah pihak FINAS telah dapat merampas filem video lucah bagi tahun 1988 hingga 30hb November 1989, dan berapa banyak pula dikeluarkan lesen-lesen kedai video tape dan berapa banyak pula kedai video tape yang dapat dikesan yang tiada berlesen, jika ada.

Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan [Dato' Haji Ahmad Dusuki bin Haji Ahmadj: Tuan Yang di-Pertua, jumlah pita video lucah yang telah dirampas oleh Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS) bagi tempoh 1988 hingga November, 1989 adalah:-

1988	-	404 buah video
1989	-	484 buah video
Jumlah		888 buah video

Jumlah pusat video yang telah didaftarkan bagi tahun 1989 adalah sebanyak 2,138. Pusat-pusat video yang telah diambil tindakan kerana tidak mempunyai lesen daripada Perbadanan bagi tempoh tahun 1987 hingga November 1989 adalah sebanyak 23 buah pusat.

Tuan Dahalan bin Haji Embun; Soalan tambahan. Saya ingin tahu, Tuan Yang di-Pertua, apakah tafsiran lucah itu, di mana lucah ini bermula dan di mana ia berakhir? Selain daripada video, saya didapati banyak juga iklan-iklan yang saya anggap sebagai lucah, contohnya iklan rokok di akhbar baru-baru ini, dua orang wanita mengusong tiga tandan pisang dan seorang lelaki menembak. Yang dua orang wanita itu ada berpakaian begitu minima. Adakah ini dianggap sebagai lucah? Sekiranya ia, mengapa ini dibenar digunakan sebagai iklan dalam akhbar kita? Terima kasih.

Dato' Haji Ahmad Dusuki bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, agak sulit untuk saya memaklumkan di sini secara terperinci dan tepat apa yang dikatakan lucah itu kerana sebenarnya saya sendiri pun tidak menonton filem ini. Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun, filem-filem yang dianggap lucah ini ialah filem-filem yang bertentangan dengan syarat-syarat yang ditentukan dalam lesen seperti mempunyai pandangan seks, tidak berpakaian ataupun berpakaian separuh pakaian dan sebagainya yang boleh membawakan kepada kerosakan akhlak.

Tentang soalan di mana bermula dan di mana berakhir, saya kurang faham tentang maksud soalan yang berkenaan.

Kemudian yang ketiga tentang iklan itu, saya rasa tidak ada hubungan dengan masalah video lucah yang ditimbulkan dalam soal asal ini.

Puan Aionon binti Ariffin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan dua perkara. Yang pertama, dari segi penapisan video-video, siapakah mereka yang duduk di Lembaga Penapisan ini kerana video lucah sebenarnya sangat berleluasa.

Yang kedua, sedar atau tidak pihak Lembaga Penapisan atau Kementerian berkenaan ada video-video samaran, awal cerita lain, tengah-tengah lucu, hujung sambung balik cerita awal. Saya percaya perkara ini Kementerian Dalam Negeri sedar, tetapi Kementerian Penerangan bagaimana?

Dato' Haji Ahmad Dusuki bin Haji Abmad: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya tugas penapisan filem video ini adalah duduk di bawah Kementerian Dalam Negeri. Jadi, Kementerian Penerangan tidak ada hubung-kait dalam hal ini. Dan berhubung dengan video samaran sebagaimana yang disebutkan tadi, kalau filem-filem yang disiarkan oleh televisyen, filem-filem yang di peringkat televisyen, kita terima filem-filem yang telahpun ditapisan oleh pihak Lembaga Penapisan di bawah Kementerian Dalam Negeri. Kemudian di dalam Kementerian juga ada penapisan kita sendiri. Jadi, soalan ini sebenarnya tidak timbul bagi pihak saya di Kementerian.

Tuan Azman Atar bin Othman: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin tahu sedikit daripada Setiausaha Parlimen, jawapan Yang Berhormat tadi atas soalan sahabat tadi, saya kurang puas hati. Bila Yang Berhormat Kementerian tidak pernah menonton, itu sebabnya apa juga nasihat dan pandangan Dewan Negara tidak pernah dapat perhatian Kementerian Penerangan sebab Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sendiri tidak pernah menonton televisyen [**Ketawa**]. Jadi, tidak apalah. Barangkali dia tidak menonton iklan sahaja, sepatutnya Yang Berhormat kena jawab nafikan terus bahawa itu tidak lucu. Habis cerita. Cuma saya hendak tahu di dalam FINAS berusaha merampas video-video baru-baru ini, saya bukan hendak membela pimpinan MIC, tetapi ini kewajipan kami sebagai Ahli Dewan Negara.

Tuan Karpal Singh telah menyatakan salah seorang pemimpin MIC telah membuat video lucu, adakah ini juga termasuk dalam senarai FINAS untuk mencari filem-filem ini sudah bertaburan sana sini, kalau pun ada. Saya hendak tahu daripada Yang Berhormat.

Dato' Haji Ahmad Dusuki bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, bukan tugas kita untuk mencari filem-filem yang seumpamanya itu di tempat-tempat yang tidak menentukan tetapi tugas kita membuat "spot check". Jadi, FINAS mempunyai pegawai penguatkuasaan FINAS sendiri, yang tugasnya menyiasat di kedai-kedai video dan di tempat-tempat yang disyaki bahawa ada di situ tersimpan video-video yang berkenaan. Dan itu sahaja Jawatankuasa menyiasat memainkan peranan.

Puan Hajjah Rogayah binti Che Mat: Soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan sama ada usaha yang sedang akan dijalankan ke arah menghapuskan video ataupun filem lucu.

Dato' Haji Ahmad Dusuki bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, pihak Kementerian memang memandangkan berat tentang adanya apa yang dikatakan pengedaran filem lucu ini kerana itulah pegawai-pegawai penyiasatan di peringkat Kementerian iaitu pegawai-pegawai penguatkuasa di peringkat FINAS sentiasa membuat "spot check" di kedai-kedai yang saya sebutkan tadi. Dan untuk akan datang, pihak Kementerian bercadang bagi tahun 1990 ini, kita adakan dikatakan satu kempen perlesenan dan penguatkuasaan bagi tujuan untuk membasmi filem-filem video haram dan video lucu sebagaimana yang dimaksudkan. Dan usaha-usaha ini kita akan melakukan dengan kerjasama agensi-agensi Kerajaan seperti FINAS, Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, Jabatan Penapisan Filem, Kementerian Dalam Negeri, Polis, Kastam dan lain-lain yang ada hubungan. Apa yang kita akan

lakukan dalam kempen ini, insya Allah, ialah menekankan dan menerangkan tentang Akta-akta dan peraturan-peraturan yang dikenakan terhadap industri perfileman. Dan dalam kempen ini juga akan diterangkan tentang kesan buruk, filem lucah terhadap pembetulan kebudayaan nasional dan juga tentang jenayah-jenayah yang mungkin berlaku terbit daripada filem-filem video lucah yang berkenaan. Di samping itu, tindakan pendakwaan dan penguatkuasaan akan terus dilakukan secara lebih berkesan.

HOSPITAL LADY TEMPLER

2. Dato' Haji Zakaria bin Haji Yahaya minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) kedudukan Hospital Lady Templer yang telah diubah namanya kepada Hospital Besar Kuala Lumpur tetapi tinggal terbiar begitu sahaja; dan
- (b) berapa lama lagikah tindakan mahkamah mengenai Hospital itu dapat diselesaikan?

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Tuan Chua Jui Meng]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Pada masa ini, Kerajaan hanya menyediakan perkhidmatan pesakit luar sahaja di Hospital Lady Templer. Mengikut perancangan, hospital ini dijangka akan memberi berbagai jenis perkhidmatan. Walau bagaimanapun, rancangan ini tidak dapat dilaksanakan pada masa ini oleh kerana tindakan mahkamah mengenai hospital ini belum lagi selesai.
- (b) Kementerian ini tidak dapat menentukan bilakah tindakan mahkamah mengenai hospital tersebut dapat diselesaikan memandangkan Kerajaan bukan merupakan

pihak dalam tuntutan mahkamah. Untuk makluman tuan, tindakan mahkamah mengenai hospital tersebut adalah di antara pihak Lembaga Hospital Lady Templer dan Syarikat Rampai Muda.

Tuan Ng Peng Hay: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, apakah nasib kepada kakitangan daripada Hospital Lady Templer? Adakah mereka telah diambil alih oleh pihak Hospital Besar Kuala Lumpur ataupun mereka telah mendapatkan pampasan daripada pihak Hospital Lady Hospital?

Tuan Chua Jui Meng: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Ng Peng Hay. Seramai 140 kakitangan bekas kakitangan Hospital Lady Templer telah ditawarkan oleh Kementerian Kesihatan untuk dimasukkan dalam perkhidmatan Kerajaan. Dan pada masa kini masih ada 108 bekas kakitangan Hospital Lady Templer masih bertugas dalam Kementerian Kesihatan.

Mengenai gantirugi atau pampasan yang diberi kepada Kakitangan-kakitangan yang lain yang belum diserapkan dalam Kerajaan, sukalah saya katakan di sini sebahagiannya ada menerima sedikit pampasan daripada Yayasan di peringkat kebangsaan dan lain perlu menuntut kepada Lembaga Hospital atau Rampai Muda (**Sdn**) Bhd yang mengambilalih hospital itu. Saya tidak ada maklumat yang lebih terperinci daripada itu. Saya haraplah Yang Berhormat boleh mengemukakannya kepada Kementerian Buruh,

Tuan Haji Ibrahim bin Jendol: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen ini ada kaitan dengan hospital tetapi tidak ada kaitan dengan Lady Templar Hospital - saya hendak bertanya berkenaan soal hutang. Berapakah agaknya - mungkin angka tepat Yang Berhormat tidak tahu - anggaran hutang oleh pesakit-pesakit yang dapat rawatan di hospital-hospital Kerajaan serta butir-butir mengenai mereka yang terlibat yang terdiri daripada kalangan kakitangan Kerajaan, pekerja swasta dan juga masyarakat kampung. Apakah tindakan-tindakan tegas yang akan diambil oleh Kementerian untuk mengutip hutang ini supaya sekurang-kurangnya dapat menyelesaikan masalah hospital Lady Templar ini?

Tuan Chua Jui Meng: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini sebenarnya terkeluar daripada soalan pokok dan saya minta maaf daripada Yang Berhormat tidak ada angka yang lebih terperinci pada saya hari ini, tetapi untuk menjawab sedikit soalan Yang Berhormat Senator itu, kita di Kementerian Kesihatan masih di dalam kajian dan kita sekarang

sedang mengumpulkan maklumat dari semua hospital di seluruh negara. Kita telah keluarkan banyak notis-notis guaman kepada mereka dan untuk sebahagian daripada itu yang degil dan mampu membayar, kita akan keluarkan saman kepada mereka. Mengenai orang-orang yang dari kampung dan dari golongan miskin kita mungkin biarkan, dan terpulanglah kepada hospital-hospital di seluruh negara untuk mengkajinya semula. Kalau mereka adalah di bawah garis pendapatan \$500 sebulan iaitu daripada keluarga yang kita anggap miskin, kita akan batalkan apa yang dihutang oleh mereka.

Tuan Yang di-Pertua: Saya benarkan satu soalan lagi. Sila Yang Berhormat Tuan Tan Chai Ho.

Tuan Tan Chai Ho: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Benarkah tunggakan gaji dan elaun untuk kakitangan di hospital Lady Templar belum dibayarkan? Kalau benar, sila beri sebab-sebabnya.

Tuan Chua Jui Meng: Ya, benar apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Senator. Ada elaun dan gaji yang dihutangkan kepada bekas pekerja-pekerja di hospital Lady Templar oleh Rampai Muda. Tetapi ini adalah di dalam bidangkuasa Kementerian Buruh. Saya haraplah mengenai angka-angka dan maklumat yang lebih terperinci, sila kemukakanlah kepada Kementerian yang berkenaan.

BADAN-BADAN DAKWAH

3. **Tuan Azman Atar bin Othman** minta Perdana Menteri menyatakan pernahkah pihak Kerajaan membuat kajian mengenai strategi-strategi "Pendakwah-pendakwah" yang terlalu banyak berkeliaran di dalam berbagai corak, bentuk dan platform. Bukankah jelas usaha-usaha yang dijalankan oleh mereka ini ke arah merobah pandangan sikap dan pemikiran serta kecenderongan masyarakat Islam negara ini kepada ideologi asing seperti Sy'iah dan seumpamanya. Apakah langkah-langkah yang dijalankan oleh pihak Kerajaan bagi mengatasi keadaan ini daripada menular dan berleluasa.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Othman bin Abdul]: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan melalui Bahagian Hal Ehwal Islam di Jabatan Perdana Menteri dan pihakberkuasa agama Islam Negeri-negeri memang membuat kajian-kajian dan meneliti badan-badan dakwah yang terdapat dalam negara kita. Kerajaan memang sedar terdapat banyak corak badan-badan dakwah di negara kita **ini**. Insyallah, Kerajaan akan terus menjalankan kajian dan memperbaiki urusan dakwah di kalangan semua peringkat.

Mengenai pertanyaan Yang Berhormat juga **iaitu** adanya kegiatan faham Sy'iah, Insyallah, memang Kerajaan sedar dan ianya tidaklah begitu meluas di dalam negara kita. Untuk makluman Yang Berhormat juga, negara kita mempunyai undang-undang untuk mengawal agar akidah umat Islam tidak tercemar oleh ajaran-ajaran sesat dan yang menyeleweng. Peruntukan undang-undang mengenai ini termaktub di dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam bagi semua negeri-negeri. Pihakberkuasa Agama Islam negeri telah lama menjalankan tugas dan kuasa yang diberikan oleh undang-undang tersebut dan terus berbuat demikian sehingga hari ini. Usaha-usaha yang telah dan sedang dibuat itu meliputi kegiatan-kegiatan dakwah dan penerangan di kalangan umat Islam serta menangkap dan mendakwa di mahkamah orang-orang yang melanggar undang-undang yang sedia ada. Kerajaan juga mengawal pengedaran buku-buku dan lain-lain bahan cetak serta kaset dan video yang berkaitan dengan agama Islam.

AGENSI PEKERJAAN TEMPATAN

4. **Puan Law Jack Yoon** minta Menteri Buruh menyatakan:
- (a) berapa agensi pekerjaan tempatan yang telah didaftarkan untuk menajakan warganegara-warganegara Malaysia bekerja di luar negeri;
 - (b) berapa orang warganegara Malaysia yang sedang bekerja di luar negeri melalui perkhidmatan agensi-agensi tersebut; dan
 - (c) apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk mengelakkan pekerja-pekerja kita di luar negeri daripada dieksploitasikan.

Timbalan Menteri Buruh [Tuan Kalakau Untol]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) pada masa ini sebanyak 32 buah agensi pekerjaan swasta berlesen telah diberi kebenaran untuk menempatkan warganegara Malaysia untuk bekerja di luar negeri;
- (b) mengikut maklumat yang dapat diperolehi, jumlah mereka yang dihantar bekerja di luar negeri melalui agensi pekerjaan swasta yang didaftarkan sejak 3 tahun yang lepas hingga 30 September 1989 ialah seramai 854 orang. Dari jumlah tersebut, 656 orang bekerja di Singapura, 195 orang di Arab Saudi, 2 orang di Kanada dan seorang di Oman;
- (c) untuk mencegah perbuatan penipuan atau mengelakkan pekerja-pekerja Malaysia yang bekerja di luar negeri dari dieksploitasikan oleh mana-mana pihak majikan, Kerajaan sedang memperketatkan penguatkuasaan Akta Agensi Pekerjaan Swasta itu bagi mengawal dan mengawasi perjalanan agensi-agensi pekerjaan yang diberi lesen atau mana-mana syarikat, industri atau pertubuhan bagi maksud mendapatkan pekerjaan bagi pekerja atau membekalkan pekerja bagi majikan sama ada di dalam atau di luar negeri.

Agensi-agensi pekerjaan ini, sebelum mendaftar atau mengambil seseorang pekerja dari negara ini untuk bekerja di luar negeri, adalah dikehendaki membekalkan maklumat-maklumat berikut kepada Jabatan Tenaga Rakyat iaitu nama dan alamat bakal majikan; keterangan yang memuaskan mengenai pesanan daripada majikan luar negeri kepada pekerja-pekerja; kategori pekerjaan dan bilangan pekerja dikehendaki bagi setiap kategori; had dan syarat-syarat pekerjaan yang ditawarkan; perjanjian pekerjaan yang akan ditandatangani oleh bakal pekerja dan majikan untuk memastikan adanya kontrak perkhidmatan antara kedua-dua pihak; dan apa-apa maklumat lain yang dikehendaki oleh Ketua Pengarah Jabatan Tenaga Rakyat. Dengan adanya maklumat-maklumat tersebut, adalah mudah untuk mengesan pekerja-pekerja Malaysia ditempatkan secara selamat di luar negeri.

Bagi agensi-agensi pekerjaan swasta yang tidak mematuhi syarat-syarat di bawah Akta Agensi Pekerjaan Swasta 1981, mereka boleh didakwa ke mahkamah dan sekiranya didapati bersalah, maka hukuman penjara 6 bulan atau denda sebanyak \$2,000 boleh dikenakan ataupun kedua-dua sekali.

Tuan G. Rajoo: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Kementerian Yang Berhormat mengkaji membatalkan kebenaran agensi pekerjaan tempatan untuk menaja warganegara-warganegara Malaysia bekerja di luar negeri, kerana beribu-ribu rakyat negara asing berpusu-pusu datang ke negeri ini secara haram atau halal untuk mencari rezeki di negara ini?

Tuan Kalakau Untol: Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan lesen untuk menaja mengambil pekerja di dalam dan luar negeri kita akan kaji dari masa ke semasa mengikut keadaan semasa di dalam negara kita,

Tuan Ng Peng Hay: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Buruh. Apa yang telah dijawabkan tadi oleh Yang Berhormat tidak tersebut pekerja-pekerja yang sedang bekerja di Taiwan kerana apa yang saya dimaklumkan melalui laporan daripada, dengan izin, Malaysian Friendship Trading Centre, bahawa tidak kurang daripada 1,000 pekerja Malaysia sedang bekerja di Taiwan. Adakah ini benar? Setengah-setengah mereka **ini**, seperti mana saya terbaca melalui satu laporan, telah menghadapi penipuan daripada agensi-agensi yang menghantar mereka ke sana kerana apa syarat yang telah dikenakan ataupun dijanjikan tidak serupa dengan bayaran yang telah dibayar kepada mereka. Apakah cara tindakan yang akan diambil oleh Kementerian Buruh untuk membantu pekerja-pekerja yang sedang bekerja di negara asing yang telah ditipu oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab.

Tuan Kalakau Untol: Tuan Yang di-Pertua, kita menasihati semua rakyat Malaysia yang ingin bekerja di luar negeri supaya merujuk kepada Kementerian Buruh atau Jabatan yang berkenaan iaitu Jabatan Tenaga Rakyat. Bagi mereka sedang berada di luar negeri sekarang yang tidak melaporkan kepada agensi yang berkenaan, kita berharap mereka akan menulis surat kepada Kementerian **ini**. Saya akui bahawa memang terdapat rakyat Malaysia yang bekerja di Taipeh, tetapi jumlah saya tidak tahu.

Puan Hajjah Habidah binti Jusoh: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin meminta penjelasan dari Yang Berhormat Timbalan Menteri Buruh, kerja-kerja apakah yang dikerjakan oleh rakyat Malaysia di luar negeri itu?

Tuan Kalakau Untol: Tuan Yang di-Pertua, jenis pekerjaan yang terdapat di luar negeri di mana rakyat Malaysia terlibat ialah seperti di Singapura umpamanya operator pengeluaran dan perkeranian, di Saudi Arabia - jururawat, Kanada - pembantu restoran dan di Oman - pengasuh kanak-kanak..

Tuan P. Balaram: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu Dewan ini berapakah ramai warganegara asing yang berkhidmat atau bekerja dalam negara kita ini?

Tuan Kalakau Untol: Saya kira soalan ini keluar daripada soalan asal.

PUSAT LATIHAN BELIA

5. Tuan Haji Ibrahim bin Jendol minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan:-

- (a) bilangan pusat-pusat latihan belia bagi menampung dan menyediakan kursus-kursus latihan kepada belia-belia di seluruh negara dan apakah jenis-jenis kursus yang dijalankan;
- (b) bilangan belia-belia yang telah mengikuti kursus-kursus di pusat-pusat latihan tersebut; dan
- (c) sama ada Kementerian berpuashati dengan bilangan pusat-pusat latihan yang ada pada hari ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan [Tuan Haji Awang bin Jabar]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) sehingga hari ini sebanyak lima buah Pusat Latihan Belia di bawah Kementrian Belia dan Sukan sedang beroperasi dengan menyediakan kursus dan latihan kepada belia-belia seluruh negara. Pusat-pusat Latihan itu adalah seperti berikut:-
 - (i) Pusat Latihan Belia Negara Peretak
 - (ii) Pusat Latihan Belia Dusun Tua
 - (iii) Pusat Latihan Belia Negeri Terengganu
 - (iv) Pusat Latihan Belia Skudai, Johor
 - (v) Institut Belia Usahawan Ipoh

Dua buah Pusat Latihan Belia lagi telah diluluskan oleh Kerajaan yang sedang dalam pelaksanaan dan dijangka akan beroperasi pada tahun hadapan iaitu:

(i) Pusat Latihan Kemahiran Tinggi di Sepang

(ii) Pusat Latihan Belia, Jitra di Kedah

Selain daripada sebuah pusat akan dimulakan pelaksanaan tahun hadapan iaitu Pusat Latihan Belia di Wakaf Tapai. Jenis-jenis kursus yang dijalankan di Pusat-pusat Latihan berkenaan adalah seperti berikut:

Pusat Latihan Belia, Peretak -

- (i) Jahitan dan Reka Fesyen
- (ii) Senisolek dan Dandan Rambut
- (iii) Senifoto
- (iv) Masakan dan Katering
- (v) Proses Makanan

Pusat Latihan Belia Dusun Tua -

- (i) Kimpalan Gas dan Arka
- (ii) Pendawaian Elektrik
- (iii) Mekanik Am
- (iv) Mekanik Kenderaan Motor
- (v) Mekanik Kenderaan Perdagangan Berat
- (vi) Pembuat Perabut
- (vii) Mekanik Penyejuk Bekuan dan Penyaraan Udara
- (viii) Elektronik Radio dan TV**
- (ix) Mengetuk Panel dan Semburan Cat
- (x) Teknologi Binaan Bangunan
- (xi) Asas Pertanian

Pusat Latihan Belia, Terengganu -

- (i) Jahitan
- (ii) Kerja Simen
- (iii) Kimpalan Gas dan Arka
- (iv) Pemasangan Paip
- (v) Pendawaian Elektrik

Pusat Latihan Belia Skudai -

- (i) Tukang Paip
- (ii) Batu Bata
- (iii) Tukang Kayu/Tanggam
- (iv) Menyimin
- (v) Elektrik

Institut Belia Usahawan, Ipoh -

- (i) Kursus Pembangunan Usahawan
 - (ii) Kursus Perancangan dan Penilaian Projek
 - (iii) Kursus Pengkhususan iaitu (Pemasaran Lanjutan)
 - (iv) Kursus Pengkosan
 - (v) Bengkel Usahawan
- (b) Bilangan belia yang telah mengikuti pelbagai jenis kursus di Pusat-pusat Latihan berkenaan semenjak tahun 1984 hingga akhir 1989 ini ialah 6,055.
- (c) Kementerian Belia dan Sukan belum berpuas hati dengan bilangan pusat-pusat latihan belia yang ada sekarang, kerana ia belum lagi dapat menampung keperluan latihan kemahiran vokasional untuk para belia. Dalam hal ini, Kementerian sentiasa berusaha untuk membina pusat-pusat latihan belia yang baru bagi menampung keperluan-keperluan kursus tersebut.

Puan Mazidah binti Haji Zakaria: Tuan Yang di-Pertua, tahniah juga kita ucapkan kepada pihak Kementrian kerana berusaha memberi latihan kepada belia-belia ini. Pertanyaan tambahan saya ialah dari segi angka yang diberikan iaitu 6,055 belia yang telah dilatih, apakah usaha-usaha susulan yang dibuat oleh pihak Kementerian untuk menentukan mereka ini sebenarnya menggunakan kemahiran daripada latihan yang diperolehinya itu untuk mendapatkan kerja-kerja ataupun membuka perusahaan-perusahaan masing-masing? Adakah atau tidak perangkaan yang menunjukkan sama ada mereka ini benar-benar telah mendapat manfaat daripada apa yang dilakukan? Yang keduanya, adakah pihak Kementerian juga menyediakan latihan semula iaitu "refresher course"?

Tuan Haji Awang bin Jabar: Tuan Yang di-Pertua, bekas-bekas pelatih yang mengikuti Pusat-pusat Latihan sememangnya menggunakan kepakaran yang mereka perolehi di pusat-pusat latihan itu. Ini terbukti dengan rata-rata daripada mereka ini apabila keluar daripada pusat, telah diterima untuk bekerja sama ada di kilang-kilang ataupun di pusat-pusat pekerjaan yang lain. Kementerian sendiri memanglah sentiasa menggalakkan bekas-bekas pelatih yang mendapat pengetahuan ini seperti sebarang bantuan yang dikeluarkan oleh Kementerian, diberi keutamaan kepada bekas-bekas pelatih ini. Kita memikirkan untuk kursus-kursus lanjutan kepada mereka ini bermula daripada tahun hadapan iaitu apabila Pusat Latihan Teknologi Tinggi akan beroperasi di Sepang.

Tuan Haji Ibrahim bin Jendol: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin minta Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Kelmarin kita bincang soal 4B ini. Pada pendapat Yang Berhormat, daripada bilangan belia-belia yang menyertai kursus pada tahun lepas, adakah

peserta-peserta daripada 4B itu agak berkurangan kalau dibandingkan dengan tahun-tahun yang sebelumnya kerana 4B sedang menghadapi masalah sekarang. Yang kedua, adakah Kementerian atau Yang Berhormat sendiri ingin mengesyorkan supaya pemimpin-pemimpin 4B itu diminta hadir kursus Asas Kepimpinan umpamanya?

Tuan Haji Awang bin Jabar: Tuan Yang di-Petua, 4B memang sentiasa menyertai kursus-kursus yang seperti ini dan kita tidak nampak kekurangan penyertaan daripada calon-calon 4B di dalam Pusat-pusat Latihan Belia sama ada di Paretak, sama ada di Dusun Tua, ataupun di Kuala Terengganu kerana Kementerian tidak meletakkan syarat atas 4B ataupun MAYC atau Kementerian meletakkan syarat hanya menjadi ahli kepada satu-satu pertubuhan ataupun persatuan belia sahaja. Saya fikir mengenai pemimpin-pemimpin 4B apakah perlu diberi latihan, saya ingat mereka ini tidak perlu, tetapi perlu difikirkan satu perkara yang lain untuk menyelesaikan masalah mereka.

Tuan C. Krishnan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Benarkah, Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sambutan daripada belia-belia kaum keturunan India sangat kekurangan. Jika benar, apakah sebabnya? Adakah kemungkinan iklan-iklan itu tidak sampai kepada mereka?

Tuan Haji Awang bin Jabar: Tuan Yang di-Pertua, memang benar secara perbandingan peserta-peserta atau belia-belia daripada kaum India berkurangan di Pusat-pusat Latihan Belia ini. Ini disebabkan setakat yang kita ketahui bahawa minat mereka untuk menyertai pusat-pusat belia sebegini tidak banyak.

Iklan-iklan, saya yakin dan percaya memang sampai kepada mereka kerana iklan untuk memasuki pusat-pusat ini kita hebahkan menerusi akhbar-akhbar dan jabatan-jabatan di peringkat daerah dan peringkat negeri.

KEMALANGAN JALANRAYA - PEMBUNUH SOSIAL

6. Puan Ainon binti Ariffin minta Menteri Pengangkutan menyatakan apakah langkah-langkah yang telah dilakukan bagi mengatasi kemalangan jalanraya yang menyebabkan kematian yang kian bertambah **itu**, seolah-olah satu wabak 'pembunuh sosial' yang sukar dibendung.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail]: Tuan Yang di-Pertua, langkah-langkah yang telah dilakukan bagi mengatasi kemalangan jalanraya yang menyebabkan kematian adalah seperti berikut:-

Agensi-agensi penguatkuasaan khususnya pihak Polis sentiasa:

- (a) mengadakan operasi lari laju di tempat-tempat yang kerap berlakunya kemalangan jalanraya.
- (b) menjalankan operasi menyaman pemandu kenderaan yang memotong di kawasan dua garisan berkembar.
- (c) mengadakan rondaan dengan kereta peronda di lebuhraya-lebuhraya dan jalan-jalan raya yang sering berlaku kemalangan.
- (d) mengadakan pemeriksaan mengejut.
- (e) mengadakan lebih banyak operasi khas di kawasan-kawasan yang berkenaan dengan memberi tumpuan ke atas kesalahan-kesalahan yang boleh mengakibatkan kemalangan jalanraya.

Selain dari menggiatkan aktiviti penguatkuasaan, Majlis Keselamatan Jalanraya juga sentiasa mengadakan ceramah, pameran, penyiaran maklumat, promosi melalui TV/Radio. Majlis Keselamatan Jalanraya Malaysia sedang dalam proses memajukan program keselamatan jalanraya di kalangan kanak-kanak sekolah, berdasarkan prinsip bahawa pendidikan keselamatan jalan raya perlu disampaikan daripada peringkat umur yang awal lagi. Program ini termasuk:

- (1) penggubalan kurikulum pendidikan keselamatan jalanraya bagi kanak-kanak sekolah.
- (2) memajukan aktiviti kelab keselamatan jalanraya di sekolah.

Pihak Jabatan Pengangkutan Jalan telah menggubal kurikulum baru sekolah memandu yang akan menjamin pemandu-pemandu kenderaan bukan sahaja mahir memandu tetapi berpengetahuan mengelakkan kejadian kemalangan jalanraya di mana penekanan adalah diberikan kepada 'pemanduan berhemah', dengan izin, defensive driving.

Satu lagi langkah yang penting ialah usaha penyelidikan untuk menentukan sebab-sebab berlaku kemalangan jalanraya. Satu format baru bagi laporan kemalangan jalanraya yang dikenali sebagai Pol. 27 (Pindaan '87) telah dilaksanakan sejak awal tahun ini dan akan dapat membekalkan data yang berguna untuk membantu usaha penyelidikan tersebut.

Kerajaan, melalui Kementerian Kerjaraya sentiasa peka terhadap kadar kemalangan. yang masih dianggap tinggi dengan membelanjakan ribuan juta ringgit untuk membina lebuh raya baru, membaiki jalan yang sedia ada, menambah papan-papan tanda yang bertujuan memberi

amaran dan kenyataan di tempat-tempat yang perlu dan sentiasa cuba membaiki perabot jalan demi mengurangkan kemalangan dan memberikan keselesaan kepada pengguna jalanraya.

Tuan Haji Shuaib bin Lazim: Tuan yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri Pengangkutan bahawa salah satu sebab berlakunya kemalangan jalanraya sering disebabkan oleh kerja-kerja membaiki jalan raya selalunya ditinggalkan begitu sahaja tanpa memberi tanda-tanda yang begitu jelas apabila kontraktor membuat jalanraya ini. Adakah pihak Kementerian berkenaan bercadang supaya kerja-kerja seperti ini patut dibuat di waktu malam seperti di negeri-negeri lain supaya dapat disiapkan dengan segera untuk menyelamatkan nyawa manusia.

Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail: Tuan Yang di-Pertua, tidaklah setiap kemalangan itu disebabkan oleh kerja-kerja membaiki jalan, kadangkala sebelum dibaiki, jalan itu berlubang, motosikal lalu dengan sangat laju, maka dia terjatuh juga dan berlaku kemalangan.

Sebenarnya, tiap-tiap kerja yang dilakukan di atas jalanraya, sesiapa juga yang melaksanakan kerja tersebut perlu meletakkan tanda-tanda menyatakan ada kerja sedang dijalankan di hadapan dan sebagainya. Bahkan kalau ada kenderaan yang rosak di tepi jalan atau di tengah jalan pun mesti meletakkan tanda tak kurang daripada 30 kaki di belakang kenderaan yang rosak itu yang menyatakan ada kenderaan rosak. Maknanya ada sesuatu perkara di hadapan. Jadi, kalaulah sekiranya ada ternampak perkara ini berlaku, saya berharaplah kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dan juga orang awam dapat

melaporkan perkara ini kepada jabatan-jabatan yang bertanggungjawab supaya kontraktor-kontraktor yang berkenaan dapat kita ambil tindakan ke atasnya.

Puan Hajjah Salbiah binti Mohd. Akim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Timbalan Menteri Pengangkutan, baru-baru ini kami ada membuat lawatan ke luar negeri iaitu negara-negara ASEAN, satu daripadanya kami telah pergi ke Jakarta. Di Jakarta ini kereta macam semut, terlalu banyak dan kami juga telah berjalan selama 5 jam, satupun tak jumpa kemalangan di jalan raya dan kami tinggal selama 5 hari di Jakarta, satupun tak nampak kemalangan jalanraya. Adakah kerana sistem jalanraya mereka lebih baik daripada sistem jalanraya di negara kita? Kalau sekiranya baik, patut kita mempelajari daripada negara tersebut.

Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail: Tuan Yang di-Pertua, agaknya Ahli Yang Berhormat itu melihat kereta itu berjalan berhimpit-himpit tentulah tak boleh berlaku kemalangan. Tetapi kalau kita tengok daripada angka kemalangan, Indonesia jatuh nombor dua di negara ASEAN. Jadi, bukanlah Kerana Ahli Yang Berhormat tidak terlibat atau tidak nampak kemalangan berlaku di hadapan Yang Berhormat bererti bahawa sistem jalan di Indonesia lebih baik daripada Malaysia.

Tuan Ng Peng Hay: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan Yang Berhormat Timbalan Menteri Pengangkutan, apakah tindakan yang akan beliau ambil untuk mengatasi kawasan lintasan angin, khususnya di Lebuhraya Air Keroh-Senawang, kerana nampaknya ini telah menjadi suatu kawasan ancaman kepada pemandu-pemandu kereta, khususnya dalam kawasan lintasan angin yang menjadi salah satu punca kemalangan di

Lebuhraya Air Keroh-Senawang?

Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail: Tuan Yang di-Pertua, bila satu-satu bencana yang diturunkan oleh Allah Subhanahu wa-taala itu, kadang-kadang manusia tak dapat menghalangnya. Itulah sebabnya kita beri tanda amaran supaya di tempat itu kita beringat-ingat dan berjaga-jaga.

Tuan G. Rajoo: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri Pengangkutan, kemalangan jalanraya adalah salah satu sebabnya kerana penggunaan telefon dalam kereta, tuan-tuan punya kereta bertelefon tanpa memandu dengan cermat iaitu apabila mereka memandu kereta sebelah tangan di steering, sebelah tangan memegang telefon dan memandu dengan laju. Jadi, saya ingat ini salah satu sebab menyebabkan kemalangan jalan raya. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menentukan satu cara atau memperkenalkan satu Rang Undang-undang untuk mengatasi masalah ini?

Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya mengikut Akta Pengangkutan Jalan pun sesiapa juga yang memandu kereta tidak boleh minum, makan, menghisap rokok dan leka atau lalai dengan apa juga cara. Perkara itu memang tidak dibenarkan dan menelefon apatah lagi. Yang sebenarnya, agak saya kalau bertelefon dengan girl-friend lebih teruk dan lebih lalailah pula. Jadi, sama ada penting bertelefon atau penting nyawa dan utamakan keselamatan, rasa saya soal itu terpulanglah kepada orang-orang yang berkenaan.

BAHASA BAKU - PENGGUNAAN DI SEKOLAH

7. Puan Hajjah Rosnah binti Haji Mohd. Salleh minta Menteri Pendidikan menyatakan berapa peratuskah Bahasa Baku di sekolah-sekolah sejak ianya dilancarkan. Adakah sekolah, jabatan-jabatan Kerajaan dan swasta yang enggan menggunakan Bahasa Baku dan apa sebabnya.

Menteri Pendidikan [Tuan Anwar bin Ibrahim]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Bahasa Baku ini mencakup tatabahasa, nahu, kaedah sebutan dan ini diputuskan oleh Kementerian Pendidikan sebagai satu jaminan untuk menentukan bahawa bahasa Melayu ini digunakan dengan mempertahankan standard yang umum bagi seluruh negara.

Setakat ini Kementerian Pendidikan telah melaksanakan di peringkat negeri, daerah, sekolah, maktab perguruan dan universiti. Walaupun kita tidak menekankan dilaksanakan segera memandangkan kaedahnya harus dikuasai dan guru-guru harus dilatih dengan secukupnya.

Kita juga tidak berhasrat untuk melaksanakan segera agar memberikan kelonggaran kepada pelajar-pelajar yang menduduki peperiksaan dan tidak membebankan mereka pada peringkat **ini**.

Kursus-kursus telah dijalankan di Maktab-maktab Perguruan. Belum ada terdapat mana-mana aduan dari pihak sekolah atau jabatan mengenai penggunaan Bahasa Melayu baku ini. Keputusan Jemaah Menteri ialah agar Kementerian Pendidikan, sekolah dan jabatan-jabatan di bawah pengawasan Kementerian sahaja yang harus memulakan penggunaan sebutan baku. Dewan Bahasa dan Pustaka telah berusaha untuk memberikan penjelasan dan meningkatkan penerangan kepada masyarakat awam selain daripada langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian Pendidikan.

Setakat ini ada buku panduan yang harus kita semua punyai yang diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka iaitu "Pedoman Umum Sebutan Baku Bahasa Malaysia."

Tuan C. Krishnan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada Menteri Pendidikan untuk mencapai tahap di mana semua warganegara boleh bertutur di dalam bahasa baku, berapa lamakah masa akan diambil? Saya ingin tahu time frame.

Tuan Anwar bin Ibrahim: Untuk sekolah mudah, Tuan Yang di-Pertua. Kerana kalau kita mulakan pada tahun lalu iaitu 1988, kita boleh laksanakan di peringkat SRP - tiga tahun selepas itu, SPM - lima tahun sesudah itu. Untuk Ahli-ahli Yang Berhormat, kita beri tempoh yang lebih panjang lagilah. [Ketawa]

Puan Ainon binti Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, pertama, saya ucapkan tahniah kepada Menteri Pendidikan kerana dedikasi dan bijaksana atas semua dasar-dasar pendidikan negara yang berjalan satu demi satu dengan baik dan lancarnya.

Yang kedua saya ingin bertanya pendapat Yang Berhormat - hanya pendapat. Apa pendapat Yang Berhormat mengenai peranan Jabatan Penerangan kita? TV3 pakai bahasa baku tetapi Siaran Nasional 1 dan 2 tidak pernah menggunakan dialect atau bahasa baku. Apakah mereka ini tidak mendapat buku panduan Yang Berhormat katakan **ini**, agaknya? **[Ketawa]**

Tuan Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, sepertimana saya jelaskan, keputusan Jemaah Mentari agak jelas ialah agar Kementerian Pendidikan melaksanakan segera dan Jabatan-jabatan lainnya menjalankan secara berperingkat. Oleh yang demikian, RTM atau Jabatan Penerangan tidak harus dibebankan dengan tugas melaksanakan penggunaan ini segera. Walau bagaimanapun, harus saya jelaskan bahawa penggunaan bahasa oleh RTM dan Jabatan Penerangan sudah baku. Yang belum sempurna mungkin ialah beberapa aspek sebutan sahaja. Dari segi penggunaan keseluruhannya, saya kira cukup memuaskan dan tentunya secara objektif saya dapat katakan bahawa penggunaan bahasa dan sebutan baku bagi TV3 agak lebih positif lagi.

TAHUN MELAWAT MALAYSIA 1990 - PERSEMBAHAN KEBUDAYAAN

8. Tuan V. K. Sellapan minta Menteri Kebudayaan dan Pelancongan menyatakan sama ada semasa Tahun Melawat Malaysia 1990, adakah pihak Kerajaan akan berusaha untuk mempamerkan kebudayaan semasa kaum di negara ini dalam setiap aturcara sepanjang tahun 1990.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan

[Tuan Abdul Raman bin Suliman]: Tuan Yang di-Pertua, inginlah saya maklumkan iaitu acara-acara sepanjang tahun 1990 adalah tergulung di bawah berbagai kategori seperti perayaan tradisional, perayaan kebangsaan, sukan dan sebagainya. Dalam setiap acara akan diselitkan persembahan kebudayaan yang menggambarkan kebudayaan semua kaum di negara ini.

SUMBANGAN PEKERJA ESTET

9. Tuan P. Balaram minta, Menteri Buruh menyatakan bahawa memandangkan kepada sumbangan pekerja-pekerja estet terhadap pembangunan dan perkembangan ekonomi negara kita adakah Kerajaan bercadang untuk mengadakan undang-undang supaya gaji bulanan yang minima diberi kepada mereka.

27.19. 89.

32. Tuan C. Krishnan minta Menteri Buruh menyatakan adakah Kerajaan bersedia campurtangan dalam hal tuntutan gaji bulanan untuk para pekerja estet memandangkan hal ini sudah lama dipertikaikan oleh NUPW dan MAPA yang memungkinkan pihak kesatuan sekerja akan mengambil tindakan mogok.

Tuan Kalakau Untol: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab pertanyaan ini sekali gus dengan pertanyaan Yang Berhormat Senator Tuan C. Krishnan pada 27hb Disember, 1989 mengenai perkara yang sama.

Tuan Yang di-Pertua, selaras dengan prinsip hak dan kebebasan untuk berpersatuan dan mengadakan rundingan bersama seperti yang diamalkan di negara kita, gaji dan syarat-syarat pekerjaan bagi pekerja-pekerja sektor swasta termasuk pekerja-pekerja estet adalah ditetapkan secara perundingan dan persetujuan di antara pihak majikan dan pekerja yang mewakili pekerja-pekerja tersebut.

Bagi sektor perladangan masa kini, penetapan gaji dan syarat-syarat bekerja ditetapkan melalui rundingan bersama di antara pertubuhan majikan dan kesatuan sekerja berkenaan. Oleh yang demikian, soal sama ada Kerajaan bercadang untuk mengadakan undang-undang atau campurtangan menetapkan kadar gaji bulanan minimum bagi pekerja-pekerja estet tidaklah berbangkit. Di samping itu, sekiranya kedua-dua pihak tidak dapat mencapai sebarang penyelesaian maka mereka boleh merujuk kepada Kementerian dan Kementerian akan cuba membantu dalam mencari satu penyelesaian baik secara runding cara ataupun dengan merujuk kepada Mahkamah Perusahaan untuk keputusan.

Untuk makluman Yang Berhormat, perkara mengenai gaji bulanan telahpun dibangkitkan oleh pihak NUPW pada tahun 1986 dan pertikaian di antara NUPW dan MAPA mengenai isu ini pernah dirujukkan kepada Mahkamah Perusahaan pada tahun itu tetapi malangnya keputusan mahkamah itu tidak menyokong tuntutan gaji bulanan tersebut.

HARGA GETAH DAN KELAPA SAWIT

10. Datuk Haji Abu Bakar bin Lajim minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan apakah Kerajaan mempunyai rancangan masa depan di dalam menentukan supaya komoditi. harga getah dan kelapa sawit sentiasa stabil ekoran cadangan untuk memisahkan BSKL dan BSS memandangkan kepada ramainya pekebun-pekebun kecil yang bergantung kepada harga kedua-dua komoditi itu.

Menteri Perusahaan Utama [Dato' Seri Dr Lim Keng Yaik]: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan mempunyai beberapa rancangan untuk menstabilkan harga komoditi seperti getah dan kelapa sawit memandangkan ramai pekebun kecil bergantung pendapatan kepada komoditi ini.

Bagi menstabilkan harga getah, Kerajaan akan meneruskan permintaan Malaysia sebagai ahli di dalam Perjanjian Getah Asli Antarabangsa (INRA) di mana melalui operasi stok penimbal perjanjian ini, harga getah akan distabilkan pada paras berpatutan kepada pengeluar dan adil kepada pengguna.

Selain daripada itu, Kerajaan mempunyai beberapa rancangan lain bagi meningkatkan pendapatan pekebun-pekebun kecil getah. Rancangan ini termasuklah:-

- (a) Menjalankan usaha penyelidikan dan pembangunan untuk menemukari klon getah berpenghasilan tinggi yang baru, cepat memberi hasil dan kurang memberi masalah kepada pekebun kecil untuk menanam dan mengusahakan.
- (b) Menubuhkan makmal pekebun kecil di setiap negeri supaya setiap masalah setempat pekebun kecil dapat diselidiki dan teknologi baru dapat dipindahkan kepada pekebun kecil dengan lebih berkesan. Makmal ini juga akan menjadi pusat untuk memberikan khidmat perkembangan yang lebih giat dan berkesan.
- (c) Melakukan penyelidikan untuk menemukan alat menoreh dan cara penorehan baru serta amalan agronomi dan cara pemerosehan yang meninggikan hasil dan tnutu.
- (d) Meningkatkan penanaman semula dengan klon berpenghasilan tinggi supaya meliputi lebih ramai pekebun kecil.
- (e) Meningkatkan kegiatan MARDEC supaya lebih ramai pekebun kecil mendapat faedah daripada harga belian getah lebih baik yang ditawarkan oleh MARDEC.
- (f) Menjalankan penyelidikan bagi menemukakan lebih banyak kegunaan akhir getah asli.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun bilangan pekebun kecil di dalam industri kelapa sawit tidaklah seramai bilangan yang terlibat dalam industri getah, Kerajaan ada juga menyediakan rancangan untuk menstabilkan harga kelapa sawit. Antara rancangan ini termasuklah:

- (a) mempelbagaikan pasaran minyak kelapa sawit supaya tidak bergantung kepada beberapa pasaran besar sahaja melalui aktiviti promosi pemasaran seperti penghantaran misi perdagangan dan juga misi khidmat nasihat teknikal kepada pengguna di luar negeri;
- (b) memupuk kerjasama antara semua pihak di dalam industri kelapa sawit yang terdiri daripada pengeluar, pengilang, penapis dan pengeksport untuk mengadakan dan melaksanakan strategi pemasaran yang menguntungkan semua pihak;
- (c) mendapatkan kerjasama negara-negara pengeluar minyak kelapa sawit yang lain dalam usaha mempertahankan pasaran bahan ini daripada sebarang ancaman.

Di samping itu Kerajaan juga mempunyai rancangan untuk mengurangkan kos pengeluaran dan meningkatkan produktiviti pekebun kecil seperti:

- (i) menjalankan usaha penyelidikan dan pembangunan bagi menghasilkan buah dan minyak yang tinggi;
- (ii) melaksanakan penyelidikan bagi mempelbagaikan kegunaan akhir minyak kelapa sawit dan lain-lain komponen kelapa sawit seperti pengeluaran Vitamin E dan barangan 'oleo-chemicals';

- (iii) memberikan khidmat pengembangan kepada pekebun kecil bagi memperbaiki amalan agronomik mereka.

Puan Majidah binti Haji Zakaria: Tuan Yang di-Pertua, seperti kita sedia maklum, Malaysia sekarang menuju ke arah pertumbuhan dan perkembangan sektor perindustrian dan saya kira sejajar dengan perkembangan **ini**, mungkin bahan-bahan mentah seperti getah dan kelapa sawit akan digunakan atau diproses di dalam negeri sendiri. Jika ini berlaku, sejauh raanakah usaha-usaha ini dapat menstabilkan harga komoditi-komoditi ini.

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik: Tuan Yang di-Pertua, apa juga bahan-bahan mentah yang dikeluarkan oleh negara kita seperti getah dan kelapa sawit, pengguna untuk memproses barangan utama ini di negara kita adalah peratus yang kecil. Seumpama getah asli, kita mengeluarkan 1.6 juta tan setahun, tetapi kegunaan tempatan atau domestic, pemerosesannya tidak lebih dari 300,000 tan sahaja.

Minyak kelapa sawit, walaupun kita mengeluarkan 5.5 juta tan setahun tetapi semua ini ditapis di negara ini dan dijual sebagai minyak yang telah ditapis (**refined palm oil**), dengan izin, dan ini pun tidak cukup dan kita akan galakan untuk pergi ke industri hiliran (**down stream**) di mana **fatty alcohol**, **fatty amin** dan lain-lain akan dipecah dan dijual sebagai barang hiliran yang akan membawa lebih keuntungan kepada negara kita.

Tuan Ibrahim bin Jendol: Tuan Yang di-Pertua, tentang harga getah dan kelapa sawit ini kita tahu harganya turun naik disebabkan permintaan dan kita tahu sekarang ini Indonesia merupakan saingan kepada getah dan kelapa sawit kita. Soalan saya, apakah langkah-

langkah yang paling sesuai yang sedang dijalankan oleh Kementerian untuk memastikan bahawa Indonesia tidak menjadi saingan yang begitu hebat bagi negara kita supaya harga getah kita tetap naik dan memberi faedah kepada pekebun-pekebun kecil.

Kedua, apakah tahap persaingan getah asli kica dengan gecah tiruan pada masa sekarang?

Dato' Dr. Lim Keng Yaik: Tuan Yang di-Pertua, sikap kita dahulu ialah kita takut pertandingan di antara negara jiran yang mengeluarkan barang utama yang sama dengan kita, tetapi di pasaran dunia di mana harga kepada sesuatu barangan utama adalah tertakluk kepada permintaan dan juga perbekalan. Tetapi dalam pasaran dunia, kita patut menggalakkan kegunaan yang lebih dan dengan kegunaan yang lebih, walaupun Indonesia ataupun Malaysia mengeluarkan beberapa juta tan getah asli, ia adalah mencukupi untuk dibekalkan kepada pasaran antarabangsa. Seumpamanya di antara getah tiruan dan getah asli, getah asli hanya mengambil bahagian 33% sahaja di pasaran elastomer dan jika kita boleh menambahkan 3% atau 5% daripada 33% itu, itu pun sudah menjadi, satu keadaan yang mana negara Indonesia, Thailand dan juga Malaysia tidak mencukupi untuk mengeluarkan getah asli yang cukup untuk pasaran antarabangsa.

Juga jika kita boleh meluaskan kegunaan barangan utama itu, kemudian untuk melawan, dengan izin, substitute seumpama plastik dan lain-lain dan dengan kegunaan yang lebih, barangkali permintaan akan bertambah dan perbekalan akan berkurangan dan kemudian harga akan naik. Seumpamanya minyak kelapa sawit - minyak kelapa sawit di pasaran antarabangsa lemah dan teguh, oil in the sense hanya

mengambil peratusan 12% sahaja berbanding dengan 8 juta tan yang dikeluarkan oleh semua negara pengeluar di dunia. Jika kita mendapatkan 50% daripada pasaran itu yang mana adalah 30 juta tan, walau macam mana pun negara Indonesia keluarkan, Malaysia keluarkan, Thailand keluarkan, siapa juga yang boleh mengeluarkan minyak kelapa sawit pun tidak akan cukup untuk membekalkan kepada pasaran yang lebih. Apa yang mustahak ialah untuk mendapatkan pasaran yang lebih besar. Itulah saya selalu berbincang dengan kawan-kawan kita di negara Indonesia, kita katakan jangan takut, kita jangan berlawan di antara satu sama lain, kita sama-sama ambil bahagian yang lebih dari pasaran antarabangsa. Jika kita dapat pasaran yang lebih, abang (Indonesia) boleh mengambil bahagian yang lebih besar pun tidak mengapa dan adik (Malaysia) pun boleh menolong abang raenanam kelapa sawit. Jangan potong kaki kita, itu saya rasa tidak baik. **[Ketawa]**

PENGANGGURAN DI MALAYSIA

11. Puan Mazidah binti Haji Zakaria minta Perdana Menteri menyatakan apakah keadaan terakhir mengenai:-

- (a) kedudukan masalah pengangguran di negara ini secara keseluruhannya;
- (b) kejayaan dan keberkesanan program-program yang dilaksanakan-untuk membantu siswazah-siswazah menganggur; dan .
- (c) usaha-usaha atau langkah-langkah yang akan diambil, seterusnya bagi mengatasi atau mengurangi masalah pengangguran di negara ini.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Othman bin Abdul]: Tuan Yang di-Pertua:

- (a) kedudukan pengangguran di negara kita secara keseluruhannya telah bertambah baik berikutan dengan pertumbuhan ekonomi yang pesat. Pada tahun 1989, pengangguran adalah dianggarkan pada kadar 7.9% berbanding dengan 8.1% bagi tahun 1988. Kadar ini dijangka akan turun kepada kadar 7.6% bagi tahun 1990;

(b) setiap program yang dijalankan untuk membantu siswazah-siswazah yang menganggur pada masa ini adalah menggalakkan Skim Khidmat Sambilan atau SKS yang dimulakan pada 1hb Julai 1986 hingga 30hb November 1989 telah dapat mencapai matlamatnya di mana ia telah berjaya menyerapkan seramai 2,673 orang daripada 4,486 orang siswazah tersebut ke jawatan tetap di sektor awam, swasta atau bekerja sendiri. Manakala seramai 522 orang siswazah telah dilatih untuk menjadi akauntan percukaian dengan kerjasama Jabatan Hasil Dalam Negeri. Dari jumlah ini, seramai 389 orang atau 74.5% orang peserta telah membuka perniagaan masing-masing sama ada secara Cunggal atau secara perkongsian.

Program-program lain seperti Skim Siswazah Tani, latihan keusahawanan, latihan pengenalan kepada asas-asas perniagaan, skim latihan khas oleh MEMOS, MAMPU dan PUSPATI masih dalam peringkat awal perlaksanaannya dan adalah diharapkan akan mencapai kejayaan. Hasil rundingan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Kerajaan juga bercadang untuk menghantar siswazah-siswazah kita untuk dilatih di tiga buah syarikat di United Kingdom. Syarikat-syarikat itu ialah General Electric atau GEC, British Aerospace (BA) dan Lotus Motor. Jabatan Tenaga Rakyat juga melalui Biro Pekerjaan Iktisas telah membantu 1,600 orang siswazah menganggur memperolehi pekerjaan-pekerjaan yang sesuai dalam tempoh 1987 sehingga Oktober 1989.

(c) pengangguran akan dapat dikurangkan dengan pertambahan peluang-peluang pekerjaan baru. Kerajaan terus meneruskan mengambil langkah-langkah yang akan mengukuhkan ekonomi negara bagi meningkatkan perraintaan buruh. Untuk mencapai tujuan ini, usaha-usaha bagi menggalakkan pertambahan pelaburan dan penglibatan sektor

swasta akan dipertingkatkan. Antara langkah-langkah yang telah dan sedang dijalankan oleh Kerajaan adalah pertamanya, membuat beberapa kelonggaran dan pengubahsuaian secara dasar kepada dasar-dasar pelaburan. Keduaanya, mengubahsuaikan dasar percukaian dengan dapat menggalakkan pertumbuhan ekonomi. Ketiga, mengukuhkan pasaran modal dan keempat, menubuhkan pusat penyelarasan pelaburan di MIDA dan agensi-agensi tertentu di peringkat Kerajaan Negeri bagi mempercepat pemerosesan pelaburan dan kemudahan-kemudahan insentif dan yang kelima, menjalankan program-program latihan kemahiran yang sesuai yang diperlukan oleh swasta. Kerajaan juga telah melaksanakan langkah-langkah jangka pendek seperti melonggarkan syarat kepada penaja kecil, mengubahsuaikan tanah lombong untuk kegunaan pertanian, melaksanakan projek-projek kejuruteraan besar seperti membina jalanraya, tanah dan menggalak dan menasihatkan penganggur supaya jangan memilih pekerjaan.

Tuan Tang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa bagi pertanyaan-pertanyaan untuk jawab mulut sudahpun cukup.

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 12 hingga 33 akan dimasukkan dalam naskhah bercetak kelak]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1990

Bacaan Kali Yang Kedua

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." [18hb Disember, 1989]

Tuan Tang di-Pertua: Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Tuan Azman Atar untuk menyambung semula ucapan beliau. Dipersilakan, Yang Berhormat.

3.43 ptg.

Tuan Azman Atar bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, kerana membenarkan dan memberi peluang saya menyambung ucapan saya pada semalam di atas satu Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 1990 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya meneruskan perbahasan saya, saya mencadangkan agar Dewan Negara ini menghantar satu ucapan takziah kepada perwira-perwira negara yang terkorban di Sarawak semalam dan kita semua merasa sedih peristiwa itu berlaku. Pada saya menganggap perwira-perwira yang terkorban itu adalah sebagai wira kepada negara yang telah berbakti kepada negara dan kita berdoa agar Allah s.w.t. menempatkan mereka itu di dalam golongan orang-orang yang soleh.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, saya minta maaf. Ucapan takziah sudahpun saya kirimkan pada awal pagi tadi. Sambungkan ucapan.

Tuan Azman Atar bin Othman: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Ini bererti Tuan Yang di-Pertua selaku Presiden Senat bertanggungjawab-untuk menjaga imej Senat. Terima kasih. [Tepuk].

Tuan Yang di-Pertua, semalam saya akhirkkan ucapan saya menyentuh dan menegur serta menasihatkan Kementerian Kesihatan.

Sekarang saya bawa Dewan ini kepada B. 35 iaitu Kementerian Dalam Negeri yang akan memperolehi peruntukan sebanyak \$90,769,900.

Pertama, saya mengucapkan tahniah kepada Kementerian Dalam Negeri di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita sendiri dan dibantu oleh Timbalannya, Yang Berhormat Dato' Megat Junid dan semua pegawai-pegawai yang bertanggungjawab di dalam meninggikan mutu Kementerian Dalam Negeri. Juga tahniah kepada Kerajaan atas usaha yang telah dikendalikan oleh Kementerian yang bertanggungjawab iaitu Kementerian Dalam Negeri, rundingan damai Kerajaan dengan Parti Komunis Malaya yang baru-baru ini berlaku di negeri jiran kita iaitu di Thailand. Tetapi saya hanya ingin menegur sedikit untuk menjaga imej negara.

Kita beria-ia hendak meninggikan Bahasa Kebangsaan sebagai Bahasa Rasmi dalam negara kita dan ingin memperkenalkan Bahasa Kebangsaan sebagai bahasa yang kita pergunakan dalam negara yang sudah merdeka. Tetapi kenapa KSU Kementerian Dalam Negeri pada hari perundingan bersama-sama dengan wakil Parti Komunis Malaya hari itu bercakap Inggeris, sedangkan Chin Peng sendiri bercakap Bahasa Malaysia. Ini yang paling saya dukacita kerana kalau Chin Peng juga bercakap Inggeris patutlah. Ini Chin Peng sendiri bercakap dalam Bahasa Malaysia. Saya rasa Ahli Dewan semua bersetuju pendapat saya

ini. Jadi, kalau boleh perkara sudah berlalu jangan diulang lagi di satu-satu perundingan yang akan datang.

Selain daripada itu, saya juga ada mencadangkan semalam, peristiwa rundingan ini tentulah bermulanya awal-awal lagi yang mana telah dirahsiakan oleh Kerajaan, yang mana tidak ada seorang rakyat yang tahu pemergian wakil daripada Kementerian Dalam Negeri. Sudah tentulah daripada pegawai polis untuk bertemu dengan wakil daripada Parti Komunis Malaya dan saya telah mencadangkan semalam dan saya ulangi sekali lagi agar Kerajaan memberikan satu anugerah bintang yang tertinggi kepada mereka ini.

Saya difahamkan Pemangku Timbalan Ketua Polis Negara sendiri, Dato' Abdul Rahim bin Mohd. Noor, yang mengetuai rundingan itu. Memang patutlah mereka ini diberikan gelaran sebagai panglima dalam negara kerana kita pernah menempuh rundingan untuk berdamai pada ketika sebelum kita mendapat kemerdekaan tetapi gagal, tetapi kita berjaya di dalam rundingan baru-baru ini. Itu pada dasar kita mengakui bahawa itu merupakan satu rundingan perletakan senjata daripada Parti Komunis Malaya. Tetapi walau bagaimanapun, saya ingin menasihatkan kepada Kementerian Dalam Negeri, supaya kita juga harus berwaspada dan berjaga-jaga supaya perjanjian mereka ini takut-takut akan menimbulkan satu masalah dan beban kepada negara khususnya kepada rakyat jelata.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, masalah ISA dalam negara kita yang mana baru-baru ini parti Pembangkang telah mencadangkan setelah berdamainya Parti Komunis Malaya dengan Kerajaan, kita, maka tidak seharusnya kita meneruskan ISA dalam negara kita. Sebagai salah seorang Ahli Dewan Negara yang bertanggungjawab untuk ingin melihat negara ini aman, saya mencadangkan supaya ISA ini diteruskan kerana ISA bukan hanya kita pergunakan kepada Parti Komunis Malaya sahaja, malahan ISA juga boleh kita pergunakan kepada mereka yang cuba menghuru-harakan negara, terutamanya yang selalu mencetuskan isu perkauman dalam negara kita dan juga mereka yang selalu cuba mencemar agama Islam sebagai Agama Rasmi negara kita dan juga kepada agama-agama lain oleh kerana Perlembagaan negara kita membebaskan beragama.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu saya juga mengucapkan tahniah dan syabas kepada tindakan Kementerian Dalam Negeri, yang telah menarik kembali dan menggantung lesen akhbar Mingguan Wanita. Ini bukan hanya satu akhbar sahaja yang boleh diambil tindakan, jika terdapat akhbar-akhbar yang lain juga yang membuat kenyataan-kenyataan palsu, yang menjatuhkan maruah-maruah pemimpin dalam negara, mestilah diambil tindakan. Maka dengan sebab itu di dalam Perhimpunan Agung UMNO baru-baru ini, saya telah bercakap supaya Kerajaan terutama Kementerian Dalam Negeri bertindak tegas kepada Pengarang-pengarang Akhbar yang tidak bertanggungjawab. Tetapi Pengarang-pengarang Akhbar yang bertanggungjawab kami hormati, kami sanjung, kerana akhbar-akhbar juga terpaksa memainkan peranan penting dalam negara ini untuk sama-sama turut memberi kenyataan, laporan kepada seluruh rakyat jelata, ia merupakan satu kenyataan yang baik, teladan yang baik daripada Kerajaan kita, mencerminkan Kerajaan kita benar-benar merupakan satu Kerajaan yang begitu berniat baik untuk membangun, mengindahkan dan membawa rakyat bersatupadu, keharmonian dan berbagai-bagai lagi.

Tetapi kepada akhbar—akhbar yang tidak bertanggungjawab yang menjadi juga sebagai penulis upahan amatlah dikesalkan, maka saya harap dengan penerangan dan penjelasan saya pada petang ini di dalam Dewan yang mulia ini, saya minta kawan-kawan reporter juga harus memahami tujuan niat saya dari awal untuk menegur akhbar-akhbar bukan semua akhbar yang kami anggap tidak baik, malahan kami hormati kepada pengarang dan penulis/reporter yang membuat kenyataan-kenyataan

yang baik, yang menggambarkan betul-betul Kerajaan kita merupakan sebuah Kerajaan yang bertanggungjawab kepada rakyat jelata dalam negara ini, tetapi kalau terdapat satu dua akhbar yang memutarbelitkan kenyataan pemimpin, terutama kenyataan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri itu sendiri maka amatlah dikesali atas peranan dan sikap ini.

Saya mencadangkan untuk membuat liputan dan laporan di Parlimen ini, kalau boleh akhbar-akhbar hantarlah reporter-reporter yang dianggap senior sedikit, janganlah baru 2-3 hari jadi reporter dihantar bertugas ke Parlimen ini, sekurang-kurangnya kalau reporter yang telah berpengalaman, mereka tahu bagaimana corak hendak membuat liputan atau kenyataan dalam akhbar supaya sama-sama menjaga imej di Dewan Rakyat ataupun Dewan Negara dan saya harap sekali lagi semua akhbar-akhbar, pengarang-pengarang dan reporter-reporter.....

Puan Masidah biati Haji Zakaria: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat boleh beri jalan. Yang Berhormat minta penjelasan.

Puan Mazidah binti Haji Zakaria: Boleh minta jalan, Yang Berhormat?

Tuan Azman Atar bin Othman: Ya, sila.

Puan Mazidah binti Haji Zakaria: Terima kasih banyak.

Saya hanya hendak sedikit penjelasan sahaja. Daripada ucapan yang diberikan oleh Yang Berhormat sebentar tadi mengenai peranan yang dimainkan oleh pemberita-pemberita kita daripada akhbar yang datang membuat liputan di Dewan Negara **ini**, adakah bermaksud

liputan-liputan yang telah dibuat mengenai Persidangan Dewan Negara ini didapati tidak -sesuai ataupun bercanggah pada pendapat Yang Berhormat.

Tuan Azman Atar bin Othman: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tidaklah saya maksudkan tidak bersesuaian, tetapi liputan itu kurang jelas dan tidaklah begitu sempurna, jadi kalau boleh, biarlah ia merupakan satu laporan yang sempurna, maka sebab itu saya mencadangkan biarlah reporter-reporter yang benar-benar berpengalaman untuk membuat liputan dalam kedua-dua Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu saya sekali lagi mengucapkan syabas dan tahniah kepada Kementerian Dalam Negeri, yang telah begitu menjaga keselamatan dalam negeri dan telah mengambil tahu, mengambil berat semua Department di bawah Kementeriannya.

Sekarang saya berpindah pula kepada B.36 iaitu Polis Di-Raja Malaysia yang akan mendapat peruntukan \$1,153,616,000.

Saya juga mengucapkan syabas dan tahniah kepada Polis Di-Raja Malaysia di bawah Ketua Polis Negara, Tan Sri Haniff Omar yang telah meletakkan dan berusaha dengan gigih untuk meninggikan mutu pasukan polis di dalam negara kita.

Saya hanya mencadangkan kerana terdapat ramai pegawai-pegawai yang mempunyai kebolehan berijazah umpamanya lawyer, engineer, di samping mereka ini menjadi pegawai polis. Mereka ini mempunyai tauliah dan berijazah, maka saya mencadangkan kalau boleh pihak Kerajaan memberi elaun ataupun sagu hati kepada mereka, kalau mereka mengharapkan gaji sebagai seorang pegawai polis sahaja, memang sudah tentu tidak cukup, tetapi dengan adanya elaun tambahan-

atas kebolehan, tauliah dan ijazah mereka itu sekurang-kurangnya menambahkan sara hidup untuk masa depan mereka dan sekurang-kurangnya dapat mereka membayar kembali wang yang telah dikeluarkan semasa menuntut untuk mendapatkan ijazah dan sebagainya. Jadi kalaulah kita dapat tunaikan elaun-elaun maka kuranglah berlakunya rasuah-rasuah di sana-sini. Saya harap cadangan saya mendapat perhatian berat daripada pihak-pihak yang berkenaan.

Selain daripada itu dua hari sudah, saya terbaca dalam suratkhbar mengenai kenyataan Ketua Polis Negara yang mahu mencadangkan supaya apabila perletakan senjata Parti Komunis Malaya, maka sudah tentu pegawai-pegawai yang ditempatkan bertugas di dalam hutan yang dipanggil Polis Hutan, Polis Khas dan sebagainya akan diberi latihan untuk menjadi pegawai penyiasat di dalam kes-kes yang banyak berlaku sekarang, yang dinamakan jenayah kolar putih.

Saya menyokong penuh dan kepada mereka ini, juga di samping memberi latihan seperti cara menyiasat, kerana untuk hendak menyiasat jenayah kolar putih ini adalah merupakan satu jenayah yang begitu bijak sekali yang dilakukan oleh orang-orang yang tertentu. Dan saya telah sebut semalam dalam Dewan, kebanyakan yang melakukan jenayah kolar putih ini adalah mereka yang tak pernah buat kerja berat-berat. Kalau kita pandang daripada tangannya yang begitu lembut sekali, Tuan Yang di-Pertua, kerana mereka selalu duduk dalam bilik air-condationed dan tempat-tempat yang baik, tetapi mereka merasakan tidak cukup untuk hidup, maka itulah sebabnya mereka sanggup melakukan jenayah sebagai penipuan, penyelewengan duit syarikat dan juga duit-duit orang ramai.

Saya mengucapkan syabas kepada pihak Polis yang telah dapat menangkap seberapa ramai yang telah melakukan jenayah yang dinamakan jenayah kolar putih ini.

Selain daripada itu baru-baru ini begitu sebak menjadi satu isu yang dibawa oleh Pembangkang terhadap isu ingin hendak mencemarkan nama baik pemimpin MIC, rakan parti komponen dalam Barisan Nasional, masalah kononnya Timbalan Speaker Dewan Rakyat telah mengadakan satu video lucah dan kes ini telah dilaporkan kepada pihak Polis, dan atas kecekapan pihak Polis telah dapat menangkap mereka yang akan dibawa ke hadapan Hakim. Saya harap pihak Polis juga jangan hanya habis setakat ini sahaja untuk bertindak, saya percaya ataupun saya takut video ini telah begitu berleluasan.

Saya juga ingin mencadangkan oleh kerana begitu ghairah perabangkang mengatakan video itu merupakan satu video lucah, dan saya percaya mereka sudah menonton video ini.

Kalau video ini dianggap sebagai satu barang **kes**, maka saya percaya tiap-tiap orang yang menonton video itu juga mesti dilibatkan sebagai orang yang bersalah, melihat video yang dianggap lucu di dalam kes Polis. Maka saya harap pihak Polis menganbil tindakan kepada Pembangkang-pembangkang umpamanya macam Karpal Singh dan P. Patta yang seolah-olah mengatakan dia sudah melihat video ini maka itu sebab dia berani mencabar kepada Timbalan Speaker Dewan Rakyat iaitu Yang Berhormat Vijandran.

Selain daripada **itu**, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin hendak menyentuh masalah untuk meperkemaskinikan lagi Pasukan Polis di dalam Bandaraya Kuala Lumpur. Sudah sepatutnya Kuala Lumpur ini merupakan sebuah bandar yang didatangi oleh pelancong-pelancong dan pelawat-pelawat daripada negara luar, maka sudah sepatutnya Polis-polis dan juga alat kenderaan dan juga segala-galanya sudah patut kita tarfkannya sebagai negara-negara yang sudah membangun macam Amerika dan juga negara-negara lain. Maka dengan itu saya mencadangkan supaya Pasukan Polis juga mesti mempunyai helikbpter khas di dalam bandar Kuala Lumpur ini, sekurang-kurangnya satu atau dua. Dengan adanya helikopter ini satu kenderaan yang boleh mengintip atau mengesan di-mana berlakunya jenayah-jenayah yang dapat lari di dalam keadaan bandar begitu sesak dengan lalulintasnya dan ini akan menggambarkan bahawa benar-benar negara Malaysia, ibu negara Kuala Lumpur merupakan sebuah bandar yang betul-betul sudah mempunyai kemajuan yang setaraf dengan negara-negara yang sudah

maju.

Juga benda-benda yang lain, umpamanya macam radio-car, pada saya sudah tidak sesuai lagi radio-car yang ada sekarang. Kalau di dalam bandar Kuala Lumpur, apa salahnya kita adakan radio-car yang lebih baik, lebih kagum untuk pelawat-pelawat daripada luar negara melihat, kerana kita sudah mampu mengadakan ini semua. Ini berdasarkan kepada ekonomi negara kita yang sudah begitu baik, termasuklah untuk mengadakan, mengubah Mobile Squad dan sebagainya.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, masalah Balai-balai Polis juga yang berada di dalam Kuala Lumpur, pada saya sudah tidak sesuai lagi keadaannya dan saya minta pihak Kerajaan supaya mengambil berat dalam perkara ini, kerana banyak bangunan-bangunan yang dijadikan sebagai Balai Polis di Kuala Lumpur ini adalah merupakan bangunan yang dibina sebelum perang dahulu yang sudah tidak sesuai dalam keadaan negara yang sudah begitu maju di dalam negara sekarang. Jadi saya harap pihak-pihak yang berkenaan mengambil perhatian di atas pandangan dan teguran saya di dalam Dewan yang raulia ini .

Tuan Yang di-Pertua, saya akan cuba pendekkan ucapan saya kerana saya dapat 3-4 surat daripada rakan dan sahabat minta saya pendekkan.

Tuan Yang di—Pertua: Ahli Yang Berhormat, saya minta kalau dapat ringkaskan ucapan Yang Berhormat, beri peluang kepada Ahli-ahli yang lain.

Tuan Azman Atar bin Othman: Saya cuba pendekkan, saya cuba menyentuh satu dua perkara lagi.

Sekarang saya menyentuh masalah B.38 mengenai Jabatan Pendaftaran Pertubuhan yang akan memperolehi peruntukan sebanyak

\$2,966,500. Saya minta Jabatan Pendaftaran Pertubuhan ini di dalam menentukan permohonan daripada mana-mana persatuan ataupun pertubuhan yang ingin menubuhkan persatuan yang baru supaya dikaji dan disiasat, diteliti dengan lebih mendalam dahulu terutamanya di bandar Kuala Lumpur ini, kerana kadangkala apabila banyaknya persatuan yang berdaftar mahupun parti politik ataupun pertubuhan politik ataupun persatuan sosial, maka ia menjadikan lebih berpecah-belah lagi penduduk-penduduk setempat, Umpamanya saya misalkan, katakanlah dalam satu kawasan di Sentul dalam kawasan saya, saya tidak mahu sentuh kawasan orang.

Kawasan Sentul seluas satu batu keliling, di dalam satu batu ini mempunyai sampai 13-14 persatuan termasuk pertubuhan politik. Maka dengan banyaknya persatuan dan pertubuhan politik, ianya bukan mendatangkan kebaikan kepada penduduk di situ, kerana masing-masing persatuan bila mengadakan aktiviti, maka ahli-ahli daripada persatuan lain tidak akan turut serta. Begitu juga apabila persatuan yang lain membuat aktiviti. Maka lama kelamaan dengan adanya banyak persatuan atau pertubuhan di dalam satu tempat itu, maka ia akan menimbulkan satu perpecahan di antara masyarakat di tempat itu sendiri

Saya harap Jabatan Pendaftaran Pertubuhan ambil kira atas pandangan saya ini kerana ini telah berlaku terutamanya di atas rebutan kuasa di dalam satu-satu kawasan di mana kadar-kala terdapat dalam satu kawasan yang ada satu persatuan penduduk, kemudian ada UMNO, ada MCA, ada MIC, ada Gerakan dan ada persatuan belia, persatuan silat gayung dan berbagai-bagai lagi. Maka apabila kita tidak dapat mewujudkan satu badan yang boleh menggabungkan semua persatuan-persatuan yang ada di dalam kawasan itu, maka yang menjadi

mangsa adalah penduduk-penduduk di kawaaan itu sendiri. Saya sekali lagi merayu kepada Jabatan Pendaftaran Pertubuhan supaya ianya tidak berlaku lagi dan kalaupun mahu diluluskan segala permohonan. ini, siasatlah lebih awal dahulu atas latar belakang jawatankuasa yang ingin menubuhkan atau mendaftarkan persatuan di tempat itu sendiri .

Tuan Yang di-Pertua, aaya rasa adalah lebih baik saya sentuh satu sahaja lagi iaitu Kementerian Penerangan kerana saya sudah sentuh lima, biarlah kawan-kawan lain pula menyentuh. Maksud B.44 Kementerian Penerangan yang akan diperuntukkan sebanyak \$224, 521,300.

Pertama saya ingin menyentuh Kamentarian Penerangan. Selama ini dahulu ada program laporan Parlimen, kenapa sekarang sudah tidak ada lagi. Yang saya nampak sekarang ini banyak sangat iklan-iklan. Adakah Kementerian Penerangan begitu ghairah untuk hendak mencari wang melalui iklan sehingga sanggup membelakangkan kepentingan rakyat jelata ingin melihat wakil-wakilnya datang bermesyuarat di Parlimen, mahupun di Dawan Rakyat ataupun di Dewan Negara. Kami menuntut perkara ini bukan tiap-tiap hari mesti ditayangkan. Kami datang bermesyuarat tiga bulan aekali, apa salahnya dalara masa tiga bulan sekali itu diaturkan satu program khas untuk Laporan Parlimen untuk memberi peluang kepada rakyat jelata menonton dalam program Laporan Parlimen sekurang-kurangnya menunjukkan bahawa wakil-wakil mereka menjalankan tugas negara, datang ke Kuala Lumpur bermesyuarat di Parlimen, bukan datang pergi berseronok-seronok.

Ini satu perkara yang saya paling kesal kenapa Kementerian Penerangan sanggup membelakangkan kepentingan rakyat, padahal Dewan Rakyat dan Dewan Negara adalah dua Dewan yang membuat dasar negara, undang-undang negara tetapi penghormatan tidak diberi langsung kepada kedua-dua Dewan ini. Saya harap Keraenterian Penerangan, pegawai-pegawainya ambil laporan atas pandangan saya ini kepada boss-boss awak semua.

Selain daripada itu, sudahlah begitu, dalam program Warta Berita, sedang kita asyik dan begitu concentrate, dengan izin, mendengar Warta Berita, terus top masuk pula iklan dengan serta merta sudah kita terperanjat. Itu sebabnya saya tidak pandang sangat iklan **itu**, saya menyumpah, Tuan Yang di-Pertua, tetapi Yang Berhormat Senator Dahalan begitu concentrate memandang iklan, itulah yang ditegurnya hari ini hingga seolah-olah macam merupakan iklan lucu. Saya tidak berapa indah sangatlah perkara itu. Tetapi kenapa tidak iklan ini diadakan sebelum Warta Berita atau selepas Warta Berita supaya tiap-tiap penonton program Warta Berita begitu concentrate dan asyik menumpukan terus kepada Warta Berita sahaja. Saya minta ini juga harus diperbetulkan.

Akhir sekali, bayaran kepada artis-artis. Saya dapat pendaan daripada artis-artis yang tinggal di Kuala Lumpur **ini**. Oleh kerana saya ini datang dari Kuala Lumpur, jadi saya terpaksa bawa perkara ini kerana mewakili rakyat di Kuala Lumpur ini. Saya terpaksa mengambil tahu masalah semua lapisan masyarakat. Jangan pula ada yang menyatakan saya ini begitu rapat dengan artis, kalau pak bilal suruh saya bawa perkara ini pun saya bawa juga, imam pun saya bawa. Jadi, oleh kerana kebetulan Kementerian Penerangan ini berkaitan dengan artis, kenapa elaun dan bayaran wang kepada artis memakan masa 3,4,5 bulan pada hal peruntukkan begitu banyak diberi kepada Kementerian Penerangan dan saya percaya tiap-tiap program yang berkehendakkan artis melibatkan diri mesti ada peruntukkan, kalau tidak, takkan boleh dipanggil. Tetapi setelah artis memainkan peranan melibatkan diri dalam program-program di bawah Kementerian Penerangan, kenapa pembayaran itu ditangguhkan sampai 3-4 bulan. Artis

patut dibela, ia juga memainkan peranan sama-sama memberi penerangan dan menghibur rakyat, apabila Kerajaan-kita minta mereka ini memberitahu apa Kerajaan kita buat kepada rakyat yang mencerminkan bahawa Kerajaan kita benar-benar Kerajaan yang bertanggungjawab dan adakah pembayaran sehingga 3-4 bulan yang lambat ini memerlukan, terpaksa dijolok bawah meja (under counter), dalam bahasa orang putih, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua.

Jadi, saya mintalah apa jua perkara yang saya tegur ini mendapat pandangan daripada Kementerian Penerangan.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya duduk, saya ingin, menggulung lima minit lagi atas semua hujjah-hujjah, pandangan dan pendapat saya. Apa jua yang saya sebutkan, mahu pun sedap didengar ataupun pedih didengar oleh mana-mana pihak, ini suatu kenyataan. Saya bercakap dengan terus terang, saya tidak peduli sama ada ada yang marah, ada yang suka dan kena fikir juga saya pun pandai marah dan saya berharap teguran saya itu sebagai teguran membiha. Kalau benar-benar negara kita ini mahu dijadikan sebagai negara di mana rakyatnya dapat menikmati segala apa jua yang ada dalam negara, di mana rakyat dapat memberikan penghormatan diantara satu sama lain, terutamanya di dalam kita mentadbir negara ini diantara dua badan, badan politik dan badan kakitangan Kerajaan - pembuat dasar dan pelaksanaan dasar.

Kami sebagai ahli Politik, pemimpin rakyat yang dilantik oleh rakyat, tugas kami datang menyuarakan masalah rakyat. Pegawai-pegawai Kerajaan sebagai pegawai yang diamanahkan untuk menjalankan tugas, mentadbir tugas-tugas kepada rakyat. Jadi, kedua-dua ini mesti bekerjasama dan hormat menghormati dan saya harap janganlah ada berlaku lagi pegawai-pegawai Kerajaan yang begitu memandang rendah kepada pemimpin politik dan saya hendak beritahulah, kalau tuan-tuan pandang kami rendah, kami 10 kali pandang tuan-tuan rendah.

Saya berharap juga Pegawai-pegawai Kerajaan yang atas ini, saya dengar cerita baru-baru **ini**, Tuan Yang di-Pertua, banyak yang sudah pandai main golf. Tidak apalah dia hendak main golf, dia punya sukalah, tetapi janganlah masa kerja pun main golf. Kalau hendak pergi main golf pun beritahulah sama Menteri. Ini saya dengar ada yang terus pergi, Menteri pun tidak tahu. Jadi, bila pegawai ataaan sudah buat macam **ini**, seolah-olah dia mencerminkan satu gambaran yang buruk kepada orang bawah. ini yang boleh menimbulkan keadaan rakyat sentiasa buka mata melihat apa yang sebenarnya berlaku di Kementerian-kementerian dan di Jabatan-jabatan. Jadi, saya harap benar-benar pegawai yang bertanggungjawab - saya hormat, semalam pun saya sudah sebut, tetapi pegawai yang tidak jujur di dalam menjalankan tugas, saya minta Allah laknatkanlah mereka ini. Saya cakap benar-benar, terutamanya didalam masa menjalankan tugas di bawah parit Barisan Nasional, Kerajaan Barisan Nasional yang merintah sekarang, tumpukan kesetiaan, kejujuran kepada Kerajaan Barisan Nasional sekarang. Jangan ketika ambil gaji menyokong Kerajaan Barisan Nasional, bila keluar sahaja dari pejabat, pergi campur dengan parti Pambangkang dan turut sama-sama bantai Kerajaan Barisan Nasional. Ini satu perbuatan yang paling saya kesal.

PENGUMUMAN KHAS

Mengalu—alukan Kehadirau T.Y.T. Presiden Dewan Perhimpunan Kebaagsaan Thailand dan Isteri serta Rombongan

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mohon maaf sebentar untuk memberi satu pengumuman khas.

Ahli-ahli Yang Berhormat, dengan perasaan yang amat sukacitanya saya mengumumkan bahawa yang ada bersama-sama dengan kita di Dewan yang mulia pada petang ini ialah Tuan Yang Terutama Van Cha Tsu, Presiden Dewan Perhimpunan Kebangsaan Thailand dan istreri beliau Madame Puan Taka Van Tsu serta rombongan yang sedang dalam rangka lawatan rasmi ke negara kita Malaysia sebagai tetamu Kerajaan [Tepuk].

Bagi pihak semua Ahli-ahli Yang Berhormat, saya dengan hormatnya mengalu-alukan kehadiran Tuan Yang Terutama dan Madame serta-rombongan di Dewan yang mulia ini. Saya juga berharap agar mereka akan berada dalam keadaan sejahtera semasa di negara kita ini dan akan membawa balik ke negara jiran kita Thailand kenangan-kenangan manis dan muhibbah dari Malaysia [Tepuk].

Sekarang Yang Berhormat bolehlah menyambung ucapan sedikit sahaja lagi.

Tuan Azman bin Atar: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, dan akhir sekali saya merayulah kalau mahukan negara ini merupakan negara yang Kerajaan Barisan Nasional terus memerintah dan kita telah sama-sama lihat kebaikan Kerajaan Barisan Nasional, maka Pegawai-pegawai Kerajaan juga harus memainkan peranan yang sama di dalara menentukan pilihanraya akan datang bahawa majoritinya menang kepada Barisan Nasional kalau dibezakan, dengan pilihanraya yang sudah, kerana cara hendak bekerjasama di samping memberi layanan yang sebaik-baiknya kepada rakyat bila memerlukan pertolongan dan bantuan kepada pegawai-pegawai Kerajaan di Department masing-masing.

Jadi, itulah nasihat yang dapat saya sampaikan daripada perasaan tulus ikhlas sebagai sama-sama rakyat yang bertanggungjawab dalam negara **ini**. Maka dengan **itu**, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang yang bernama suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada kumpulan wang. disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 1990 dan bagi memperuntukan wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu dan saya menyokong dengan sepenuh-penuhnya. Sekian, terima kasih.

Tuan Tang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Valli Muthusamy.

4.20 ptg.

Puan Valli Muthusamy: Tuan Yang-di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan 1990. Saya sangat bersukacita untuk mengambil bahagian dalam perbahasan ini dan ingin menyentuh kepada perkara-perkara berikut.

Maksud B.13 - Kementerian Kehakiman. Saya memerhati bahawa terdapat tambahan sedikit lebih dari \$2 juta diperuntukkan untuk Kementerian ini berbanding dengan tahun-tahun yang lepas. Kehakiman adalah salah satu daripada tiga anggota. Kerajaan dan peruntukan sebanyak \$48,268,100 pasti tidak mencukupi untuk menandingi tugas-tugas dan tanggungjawab-tanggungjawab yang diambilnya. Memandangkan penambahan muatan kerja dan bidang kerja, peruntukan kepada Kementerian ini harus sekurang-kurangnya ditambah sebanyak 50% jika tidak digandakan.

Terdapat peningkatan kes-kes dalam semua mahkamah tetapi tiada peningkatan yang sama dalam mahkamah-mahkamah, Hakim-hakim, Majistret-majistret, Penterjemah-penterjemah dan kakitangan-kakitangan. Penangguhan kes-kes di Mahkamah Majistret dan Sesyen adalah jauh lebih berbeza daripada penangguhan di Mahkamah-mahkamah Supreme dan Mahkamah-mahkamah Tinggi kerana terdapat kekurangan Hakim-hakim dan Majistret-majistret yang hebat. Peraturan-peraturan mahkamah begitu menyulitkan hingga mereka lambat dalam menyelesaikan kes-kes dalam semua mahkamah. Hakim-hakim dalam Mahkamah Sesyen

diarahkan untuk bertugas secara litar dan amalan ini mengakibatkan kelengahan dalam menyelesaikan kes-kes di Mahkamah Majistret kerana pada hari Hakim Sesyen menduduki Mahkamah-mahkamah Majistret, tiada kes-kes dibicarakan di Mahkamah-mahkamah Majistret berkenaan.

Saya merayu Ketnenterian untuk meneliti masalah ini yang mana kini lebih *lazim* iaitu kekurangan bangunan-bangunan mahkamah, Hakim-hakim dan Majistret-majistret serta juga Penterjemah. Kehakiman ini menuju ke suatu tahap yang mencemaskan kerana kekurangan-kekurangan yang dinyatakan oleh saya tadi, Kebanyakan Hakim-hakim dan Pegawai Undang-undang meletakkan jawatan untuk masuk ke sektor swasta kerana pendapatan yang rendah. struktur pendapatan mereka harus dikaji seraula. Saya meminta kepada semua yang terlibat mempertimbangkan pengambilan masuk Hakim-hakim Mahkamah Sesyen, Majistret-majistret, Peguam-peguara Persekutuan secara perjanjian untuk , mengatasi kekurangan sekarang untuk pegawai-pegawai tersebut.

Sepertimana tersebut di atas terdapat juga kekurangan yang hebat untuk Penterjemah dan kakitangan mahkamah yang lain. Tanpa sumbangan sepenuhnya dari kakitangan-kakitangan mahkamah-mahkamah tidak dapat berfungsi secara betul dan cekap. Kementerian harus menjalankan suatu kajian yang keseluruhan dalam masalah-masalah ini yang kini lebih lazim dan dirancang serta mengurangkan masalah seperti ini di masa akan datang dengan segera. .

Tuan Yang di-pertua, terdapat kelengahan yang lebih dalam perbicaraan kes-kes khasnya kes-kes sivil di Mahkamah-mahkamah Rendah, jika rayuan dibuat kelengahan tersebut bertambah.

Kelengahan pengadilan adalah menafikan keadilan. Oleh yang demikian, saya meminta Kerajaan menimbang secara serius untuk mendirikan lebih banyak mahkamah-mahkamah rayuan di samping Mahkamah Supreme dan Mahkamah Tinggi. Kesemua rayuan dari Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Sesyen harus dipinda ke Mahkamah Rayuan untuk diselesaikan. Seperti di England di mana rayuan-rayuan dari Mahkamah-mahkamah Tinggi, Mahkamah-mahkamah Country dan Mahkamah-mahkamah Crown diurus oleh Mahkamah Rayuan.

Tuan Yang di-Pertua, Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67 telah dipinda untuk menjadikan Bahasa Malaysia sebagai bahasa tunggal di mahkamah. Buku Undang-undang, Jurnal dan Status dalam Bahasa Malaysia harus dibekalkan ke semua mahkamah serta juga sebuah Perpustakaan Undang-undang yang kemaskini kepada Mahkamah-mahkamah Majistret. Saya meminta Kerajaan untuk menambahkan peruntukan dengan segera supaya kemudahan-kemudahan tersebut dapat dibekalkan. Penggunaan Bahasa Malaysia sebagai bahasa tunggal di mahkamah akan menyebabkan mereka yang terlibat fasih dalam Bahasa Malaysia. Saya merayu kepada Kementerian untuk melantik pegawai-pegawai dalam mahkamah untuk menterjemahkan atau menyediakan rangkaian perkataan-perkataan yang cepat, maknanya dengan perkataan-perkataan bahasa Inggeris yang akan digunakan untuk beberapa tahun yang akan datang lagi sehingga istilah Undang-undang Bahasa Malaysia disiapkan.

Tuan Yang di-Pertua, B.44. Selanjutnya saya ingin menyentuh tentang Kementerian Penerangan. Persidangan Parlimen merupakan satu perkara yang paling penting dalam suatu negara kerana perbincangannya boleh mengubah corak kehidupan sesebuah negara. Tetapi saya

amat kesal untuk memperhatikan bahawa prosiding Persidangan tersebut di kedua-dua Dewan Parlimen tidak dititikberatkan oleh RTM. RTM tidak membuat liputan secara siaran langsung mengenai Persidangan di Parlimen dengan secukupnya. Persidangan di Parlimen hanya disebutkan secara ringkas sahaja dalam Berita, maka ini tidak memberi maklumat yang cukup kepada rakyat jelata. Saya tidak memahami mengapa program RTM iaitu Laporan Parlimen tidak dilanjutkan. Rancangan tersebut telah memberi serba-sedikit maklumat mengenai kegiatan dalam Parlimen kepada orang awam. Tetapi bila belia Kementerian Penerangan membuat aktiviti bersenam atau exercise, dengan izin, itu pun ditunjuk....

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, saya mohon maaf sebentar. Saya hendak membuat satu pengumuman.

Ahli-ahli Yang Berhormat, mengikut Peraturan Mesyuarat 6(3), sekarang dengan hormatnya, saya mempersilakan Yang Berhormat Dato' Tan Peng Khoon untuk mempengerusikan Mesyuarat. Dipersilakan Yang Berhormat Dato' Tan Peng Khoon. Selepas ini nanti Yang Berhormat bolehlah menyambung ucapan.

[Timbalan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]

Timbalan Yang di-Pertua: Boleh sambung, Yang Berhormat.

Puan Valli Muthusamy: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Di sini saya ingin meminta agar Kementerian Penerangan dan RTM untuk menyiarkan kembali Laporan Parlimen. Ada juga permintaan untuk menyiarkan prosiding secara langsung di kedua-dua Dewan Parlimen.

Saya percaya persidangan Parlimen disiarkan secara langsung di kebanyakan negara lain misalnya di Singapura, Korca, U.S. dan Bricain.

Tuan Yang di-Pertua, ucapan yang diberi oleh Menteri Kewangan apabila beliau membentangkan Belanjawan telah disiarkan secara langsung. Perkara ini telah disambut meriah oleh rakyat semua. Memandangkan ini, saya tidak mengerti mengapa pihak RTM tidak dapat menyiarkan secara langsung rancangan mengenai keseluruhan perbicaraan di antara kedua-dua Dewan.

Saya merayu agar Yang Berhormat Menteri yang berkenaan dapat memberi pandangan serius terhadap perkara ini. Siaran secara langsung mengenai liputan persidangan di kedua-dua Dewan akan menunjukkan bagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan Rakyat dan Ahli-ahli Senator di Dewan Negara melaksanakan tugas-tugas mereka masing-masing. Ini akan mencegah sebilangan Ahli Parlimen daripada menyalahgunakan hak kemudahan Parlimen dan melakukan perkara-perkara kurang sopan serta berkelakuan seperti tidak dapat mengawal diri. Kabelakangan ini dalam Dewan Rakyat beberapa Ahli Pembangkang berkelakuan secara tidak bertanggungjawab dan tidak menunjukkan hormat kepada Tuan Pengerusi. -

Tuan Yang di-Pertua, mereka menimbulkan satu skandal tanpa menyediakan bukti yang kukuh kepada Dewan yang mulia. Mereka menyampuk persidangan Dewan secara berterusan sehingga tidak menyegani Dewan Rakyat dan sistem demokrasi Parlimen dalam negara ini. Mereka tidak memperdulikan peraturan dewan sekiranya keadaan.....

Puan Mazidah binti Haji Zakaria : [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, hendak apa?

Puan Mazidah biati Haji Zakaria: Tuan Yang di-Pertua, boleh saya minta jalan?

Puan Valli Muthusamy: Boleh.

Puan Mazidah binti Haji Zakaria: Saya mengikuti perbincangan daripada Ahli Yang Berhormat sebentar tadi yang meminta supaya persidangan Dewan Rakyat mahu pun Dewan Negara kita siarkan di dalam television. Tetapi daripada apa yang dinyatakan sebentar tadi, adanya kejadian-kejadian yang menunjukkan keadaan yang tidak begitu mengesankan, yang tidak baik, yang berlaku di dalam Dewan. Jadi saya ingin tahu adakah perkara-perkara seperti itu patut kita tunjukkan di dalam television?

Timbalan Yang di—Pertua: Puan Valli, hendak beri jawapan.

Puan Valli Muthusamy: Tuan Yang di-Pertua, keadaan seperti itu tidak akan berlaku kalau siaran terus diadakan dan tidak akan jadi macam itu. Tetapi sekiranya keadaan yang kurang bertanggungjawab ini diberi liputan secara langsung, rakyat akan mengenali dan mengadili tabiat Ahli-ahli Parlimen yang dipilih oleh mereka. Mungkin Ahli-ahli Parlimen yang berkelakuan luar kawalan ini perlu melawati Dewan ini untuk mempelajari, dengan izin, code of conduct' semasa di Dewan yang mulia.

Sebagai seorang pemimpin wanita, saya amat menyesali skandal tuduhan baru-baru ini terhadap pemimpin-pemimpin utama MIC dan isteri-isteri serta gadis-gadis yang bekerja di bawah institusi kewangan MIC bahawa mereka telah berlakun dalam video. Kenyataan yang sebegini ini akan memberi kesan buruk pada masa hadapan gadis di institusi-institusi ini yang sudah berkahwin mahu pun yang belum. Tambahan pula, isteri-isteri pemimpin telah disoal, disindir dan diperli sehingga saya juga disoal juga oleh wartawan-wartawan mengenai pandangan saya terhadap hal ini. Wanita MIC dengan tegasnya membantah segala tuduhan sebegini dan maminta agar pihak

Pembangkang berhenti membawa isu-isu peribadi ke dalam Dewan Rakyat. Jikalau pihak Pembangkang benar mempunyai sebarang bukti, mereka harus menamakan siapa-siapa yang terlibat secara specific dan jangan melibatkan golongan- golongan wanita yang tidak salah.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai hal sukan, negara kita telah muncul sebagai naib johan dalam Sukan SEA. Saya mengambil peluang ini untuk mengucapkan tahniah kepada Menteri dan pihak RTM kerana telah memberi liputan yang unggul mengenainya. Sukan juga dapat meningkatkan serta menyatukan pelbagai kaum dan pada masa yang sama dapat mengelakkan belia-belia kita daripada terjerat dalam perangkap dadah dan kegiatan haram. Oleh itu, pihak RTM patut menyalurkan liputan secara langsung akan rancangan olahraga yang lain dan bukan sahaja bolasepak.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya, saya menyokong Rang Undang-undang ini Perbekalan 1990. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Lim Heng Tee.

4.37 ptg.

Tuan Lim Heng Tee: Terima kasih kerana memberikan saya peluang untuk mengambil bahagian dalam perbahasan atas Rang Undang-undang Perbekalan bagi tahun 1990.

Tuan Yang di-Pertua, setiap orang gembira dan orang ramai memuji Belanjawan tahun 1990 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan baru-baru ini. Kita tidak hairan apabila Belanjawan itu disifatkan sebagai Belanjawan rakyat, Belanjawan yang tidak menyakitkan ataupun 'Painless Budget', dengan izin, Belanjawan Krismas ataupun hadiah Krismas, atau Belanjawan Pilihanraya dan sebagainya. Sama ada ia sebenarnya Belanjawan yang

tidak menyakitkan atau Belanjawan Pilihanraya, tidaklah mustahak sangat. Yang mustahak ialah Belanjawan itu hendaklah benar-benar membawa manfaat kepada rakyat keseluruhannya secara positif dan adil.

cukai-cukai yang dikenakan ke atas rakyat hendaklah mengambilkira kebolehan rakyat untuk membayar serta kerasionalan ataupun 'rasionale', dengan izin, cukai yang dikenakan itu dan juga untuk apa yang hendak dibelanjakan dan banyak manakah hendak dibelanjakan oleh Kerajaan sama ada untuk tujuan-tujuan mengurus atau pembangunan dan semuanya patut ditujukan untuk menggalakkan aktiviti-aktiviti sosio-ekonomi yang sihat serta pertumbuhannya yang dapat membawa manfaat kepada semua.

Tidak dapat dinafikan bahawa Belanjawan bagi tahun 1990 adalah Belanjawan yang amat baik dan harus diberi kepujian. Kerajaan telah membuat beberapa cadangan, misalnya menghapuskan atau mengurangkan cukai supaya dapat memberi perangsang bagi memajukan industri pelancongan industri pembinaan dan perumahan, industri berasaskan rotan dan kayu, bantuan kepada industri kecil dan sederhana, menambahkan peruntukan untuk pembangunan luar bandar dan lain-lain. Langkah-langkah ini semua amat praktis dan kena pada masanya. Namun demikian, saya akan cuba mengemukakan beberapa perhatian, ulasan dan cadangan-cadangan di mana yang sesuai.

Sama-sama kita lihat strategi tiga serampang Belanjawan tahun 1990 itu sepertimana yang digariskan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan: yang pertama, mengekalkan pertumbuhan pada tahap yang tinggi, yang kedua mengawal kenaikan harga dan yang ketiga, meneruskan kawalan ke atas perbelanjaan awam.

Mengenai strategi pertama, iaitu mengekalkan pertumbuhan di tahap yang tinggi, saya difahamkan bahawa pertumbuhan sebenar Keluaran Dalam Negara Kasar (GNP) bagi tahun 1988 dan 1989 adalah 8.7% dan 7.6% masing-masing, sementara pada tahun 1990 pertumbuhan dijangka akan mencapai 6.5%. Walaupun kadar-kadar pertumbuhan GNP tidak boleh dikatakan rendah, tetapi kadar-kadar itu sedang menurun dalam 3 tahun berturut-turut. Apa akan terjadi pada tahun 1991 dan selepasnya? Adakah kadar-kadar itu akan naik atau turun? Kita menang ras bimbang.

Tuan Yang di-Pertua, strategi Balanjawan yang kedua ialah mengawal kenaikan harga. Dalam ucapannya, Yang Berhormat Menteri Kewangan telah memberi amaran mengenai bahaya inflasi yang semakin meningkat. Menurut Yang Berhormat Menteri Kewangan, kadar inflasi ialah 2.8% pada tahun 1988 dan dijangka akan naik ke 4% pada tahun 1989. Walaupun kadar ini baik jika dibandingkan dengan hitung panjang kadar 6% di negara-negara ASEAN, kedudukan mungkin tidak begitu baik sepertimana yang kita lihat. Kenaikan pendapatan per kapita dari \$5,065 pada tahun 1988 kepada \$5,477 pada tahun 1989 ialah lebih kurang 4.7%. Jika ditolak angka inflasi 4% daripada 4.7%, ini bermakna pendapatan rakyat bertambah hanya 0.7% sahaja. Jika kita mengambil kira penambahan 17.8% dalam pembekalan wang kita seperti pada Jun tahun ini dibandingkan dengan pembekalan wang pada Jun tahun lepas, kedudukan inflasi mungkin lebih buruk. Ini adalah kerana apabila kadar penambahan prmbekalan wang itu lebih tinggi daripada pertumbuhan ekonomi, inflasi tidak dapat dielakkan. Oleh yang demikian, saya bimbang bagaimana Kerajaan dapat mengawal kenaikan harga.

Mengenai strategi ketiga Belanjawan, iaitu meneruskan kawalan ke atas perbelanjaan awam, adalah didapati jumlah perbelanjaan tahun depan akan meningkat kepada \$33,405 juta, kenaikan 11.7% berbanding dengan tahun 1989 akan menyebabkan defisit \$7,400 juta. Dari jumlah ini, \$24,148 juta atau 72% diperuntukkan bagi Perbelanjaan Mengurus, sementara \$9,257 juta ataupun 28% adalah untuk Perbelanjaan Pembangunan. Ini menunjukkan kenaikan 8% dalam Perbelanjaan Mengurus dan kenaikan 18% dalam Perbelanjaan Pembangunan berbanding dengan peruntukan tahun 1989. Walaupun ini menunjukkan terdapat sedikit perubahan baik, kita lebih suka sekiranya Perbelanjaan Mengurus dapat dikurangkan lagi dengan cara mengelakkan pembaziran dan perbelanjaan yang tidak begitu diperlukan - misalnya, mengadakan majlis-majlis dan perayaan-perayaan besar-besaran, lawatan-lawatan ke luar negeri dan sebagainya.

Banyak wang dapat dijimatkan dalam upahan kakitangan-kakitangan Kerajaan kerana anggota perkhidmatan awam terlalu besar dan Kerajaan sedang mencuba mengurangkan dengan cara membenarkan kakitangan-kakitangannya memilih untuk bersara lebih awal, iaitu pada umur 40 tahun dan membekukan setengah-setengah jawatan yang tidak diperlukan.

Berkenaan dengan peruntukan Pembangunan, saya difahamkan bahawa 2/3 telah diagihkan untuk kawasan luar bandar. Ini adalah langkah yang bijak sejajar dengan objektif nasional kita untuk menghapuskan kemiskinan.

Tuan Yang di-Pertua, saya sudahpun mengulas mengenai strategi serampang tiga dan objektifnya. Sekarang izinkan saya menyentuh beberapa isu tertentu.

Yang pertama, mengenai pinjaman perumahan Kerajaan. Langkah Kerajaan melonggarkan syarat pinjaman perumahan kepada kakitangan Kerajaan patut dipuji, akan tetapi membolehkan suami-isteri mendapat pinjaman berasingan adalah berlebihan dan kurang adil. Mengapa suami-isteri perlu dua buah rumah sedangkan mereka tinggal bersama di sebuah rumah? Tujuan memberi pinjaman perumahan ialah untuk menolong peminjam memiliki rumah supaya dia dan keluarganya dapat tinggal bersama di bawah satu bumbung. Tidaklah adil kepada pembayar cukai lain jika Kerajaan terlalu bermurah hati menggunakan wang rakyat. Satu pinjaman perumahan untuk suami-isteri sudahpun mencukupi.

Seterusnya saya ingin menyentuh mengenai industri pelancongan. Usaha positif Kerajaan dalam mamajukan industri pelancongan harus dipuji. Memandangkan ramai pelancong asing akan melancong ke Malaysia pada tahun 1990, tahun yang diisytiharkan sebagai 'Tahun Melawat Malaysia, MAS ataupun Sistem Penerbangan Malaysia sedang giat membeli kapalterbang-kapalterbang tambahan serta menambahkan destinasi-destinasi ke negara asing. Lebih banyak kapalterbang asing akan mendarat di Malaysia juga. Sementara langkah-langkah positif diambil untuk membantu industri pelancongan, saya ingin mengambil kesempatan sekali lagi untuk menggesa pihak-pihak berkuasa yang berkenaan supaya mengamalkan polisi 'langit terbuka' ataupun 'open sky policy', dengan izin, untuk semua lapangan terbang di Malaysia, khasnya kepada Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang dan bukan hanya terhad kepada Lapangan Terbang Antarabangsa Subang sahaja. Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang sangat kurang penggunaannya, begitu juga Lapangan Terbang Kota Kinabalu dan Kuching di Malaysia Timur. Dengan cara ini bukan sahaja industri pelancongan asing dan tempatan dapat dimajukan, tetapi ia akan juga

memudahkan lawatan-lawatan rakyat Malaysia dari sebuah negeri ke sebuah negeri yang lain di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan mempunyai rancangan untuk membelanjakan berjuta-juta ringgit bagi membina lebuhraya antara tiga tempat peranginan bukit, iaitu Cameron Highlands, Fraser's Hill dan Genting Highlands. Saya tidak setuju bahawa ini adalah langkah yang bijak, sebaliknya saya ingin mencadangkan wang itu digunakan untuk membina jalan-jalan dan jambatan-jambatan di seluruh negara, khasnya di negeri-negeri Pantai Timur dan Malaysia Timur yang kurang maju serta memperbaiki dan meningkatkan taraf kemudahan-kemudahan di beberapa lapangan terbang.

Cara ini akan membawa manfaat yang lebih kepada rakyat kita dan akan memberi sumbangan positif terhadap pertumbuhan kegiatan ekonomi serta pembangunan negara kita,

Mengenai pelaburan asing, saya mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan juga MIDA kerana usaha-usaha yang telah dijalankan oleh mereka telah membawa masuk banyak pelabur asing dengan jayanya dalam beberapa tahun ini. Pada masa yang sama, saya ingin memberi sedikit amaran juga. Adalah nyata bagi kita bahawa orang asing datang melabur di negara kita bukanlah kerana mereka amat besar hati. Mereka datang untuk mencari keuntungan sebanyak-banyak yang boleh tanpa memikirkan kesan-kesan lain. Oleh yang demikian, negara yang sedang membangun seperti Malaysia tidak sepatutnya menerima sebarang pelabur asing tanpa usul periksa. Dalam meluluskan pelabur asing, kita harus berfikir baik-baik sama ada pelaburan itu akan membawa kesan-kesan buruk atau tidak, seperti mengubah dan menjejaskan alam persekitaran kita dan merosak atau menghapuskan sumber semula jadi kita yang amat terhadap **itu**. Jika pelabur asing yang diluluskan itu akan membawa kesan-kesan yang buruk kepada kita maka pada akhirnya kitalah yang akan menanggung kerugian besar.

Mengikut satu kaji selidik, 30% pelaburan asing di Malaysia pada hari ini merosakkan ekonomi negara kita kerana mereka menyekat pembangunan industri kita dan 25% hingga 30% sedang membazir sumber-sumber semula jadi negara kita. Sungguhpun pelaburan-pelaburan ini nampaknya membawa manfaat kepada negara kita, pada akhirnya kita yang menanggung kerugian. Oleh yang demikian, kita hendaklah

berhati-hati dalam memilih pelabur-pelabur asing dengan jujurnya.

Tuan Yang di-Pertua, perjanjian damai yang tercapai di antara Parti Komunis Malaya dengan Kerajaan Negeri Thai dan Malaysia telah menamatkan perjuangan bersenjata Parti Komunis yang berlangsung selama 41 tahun di Malaya dan ini saya rasa akan ,mendatangkan kebahagiaan dan kegembiraan kepada semua rakyat Malaysia. Kami berasa gembira kerana komunis akhirnya sedar bahawa perjuangan bersenjata mereka terhadap Kerajaan Malaysia, sebuah Kerajaan yang dipilih secara demokratik oleh rakyat Malaysia adalah sia-sia dan tidak mendatangkan apa-apa faedah. Kami juga gembira, bahawa mereka ingin kembali ke masyarakat Malaysia sebagai rakyat yang bertanggungjawab berikrar taat setia kepada Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong dan negara serta patuh kepada undang-undang dan Perlembagaan Malaysia. Kami berasa bangga atas kemurahan hati, kebijaksanaan dan pandangan luas pemimpin-pemimpin nasional kita dalam mewujudkan penyelesaian yang mulia, ini secara aman. Di saat kegembiraan dan kesyukuran ini kita harus ,mengingati dan memberi penghormatan kepada mereka, khasnya askar dan polis yang telah terkorban dalam pertempuran dengan komunis.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang ancaman komunis sudah selesai. Malaysia kini boleh menumpukan segala usaha, tenaga dan sumber dalam pembangunan negara. Perkara pertama yang terlintas dalam pemikiran kita ialah Akta Keselamatan Dalam Negeri ataupun ISA, yang pada asalnya diperkenalkan untuk menyekat aktiviti-aktiviti komunis di negara kita. Sungguhpun adalah terlalu awal untuk mencadangkan supaya ISA itu dimansuhkan, namun pengkajian semula Akta itu adalah kena pada masanya. Tambahan pula Kerajaan patut menimbang untuk membebaskan mereka yang berideologi bercenderungan kiri ataupun

leftist ideology, dengan izin, yang masa ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri itu patutlah ditimbangkan sama ada mereka boleh dibebaskan.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang kedua yang harus diper-timbangkan ialah menamatkan perintah berkurung di kawasan-kawasan merbahaya ataupun kawasan hitam yang tidak diperlukan lagi di seluruh negara. Saya berasa gembira kerana Kerajaan telah mengambil tindakan-tindakan yang sesuai dalam perkara ini.

Seperkara lagi yang ingin saya kemukakan di sini ialah mengenai sekatan-sekatan Kerajaan ke atas kunjungan ataupun lawatan rakyat Malaysia ke negeri China. Apabila saya mencadangkan kepada Kerajaan pada tahun yang lepas di dalam Dewan yang mulia ini untuk membatalkan sekatan-sekatan lawatan ke negeri China, Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri menjawab dengan menyatakan selagi negeri China terus menyokong perjuangan bersenjata Parti Komunis Malaya di negara ini, Kerajaan Malaysia akan terus mengenakan sekatan ke atas kunjungan sebegini. Kini dengan tamatnya perjuangan bersenjata Parti Komunis, adakah Kementerian Dalam Negeri dan pihak-pihak Kerajaan Malaysia akan menimbang semula cadangan awal saya agar semua sekatan yang dikenakan ke atas kunjungan ke negeri China oleh semua rakyat Malaysia dibatalkan?

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian Dewan ini kepada kewujudan lebih 450 buah perkampungan-perkampungan baru yang merupakan satu hasil sampingan ataupun by-product, dengan izin, ancaman komunis dan darurat di seluruh negara. Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini maklum, perkampungan-perkampungan baru didirikan dalam keadaan yang kurang memuaskan oleh Kerajaan Colonial British di Malaya pada tahun 1949 sebagai

sebahagian strategi menentang komunis, Kemudahan-kemudahan infrastruktur asas dengan jelasnya adalah tidak mencukupi dan keluasan kawasan tanah yang disediakan adalah terhad dan ini tidak banyak mendatangkan pembangunan. Sungguhpun sedikit sebanyak kemajuan telah tercapai setelah 40 tahun perkampungan-perkampungan baru masih mundur dan tertindas kerana telah tertinggal dalam aliran pembangunan negara.

Selain daripada sebab-sebab sejarah yang menyebabkan kedudukan yang buruk **ini**, perkampungan-perkampungan baru telah tertinggal disebabkan oleh kecuaiian pentadbiran Kerajaan yang tidak pernah menganggap perkampungan-perkampungan baru itu sebagai sebahagian kawasan luar bandar seperti kampung-kampung tradisi yang Lain. **Itu-**lah sebabnya perkampungan-perkampungan baru itu adalah terletak di bawah pentadbiran Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan bukannya di bawah Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar.

Tuan Yang di-Pertua, selepas 40 tahun semua perkampungan baru telah menjadi kampung-kampung lama dan adalah tidak sesuai untuk terus memanggil perkampungan itu sebagai perkampungan baru yang telah menjadi satu social stigma dan juga membawa banyak kenangan-kenangan sedih dan menyakitkan hati akan kepahitan darurat.

Apa yang lebih penting ialah langkah-langkah mesti diambil dengan serta-merta untuk meletakkan perkampungan-perkampungan baru itu di bawah pentadbiran Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar supaya semua perkampungan baru bersama-sama dengan kampung-kampung tradisi dan ladang-ladang dapat dianggap sebagai satu unit dalara kawasan Luar bandar untuk tujuan pembangunan dan pentadbiran.

Adalah kurang adil selepas 40 tahun untuk terus mengasingkan dan membezakan perkampungan-perkampungan ini. Saya berasa gembira bahawa beberapa Ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini telah juga melahirkan pandangan-pandangan tersebut. Dan saya berharap Kerajaan akan mengambil Langkah-langkah yang positif untuk memperbaiki keadaan ini.

Untuk melaksanakannya hal tersebut, terlebih dahulu kawasan perkampungan-perkampungan baru mesti diperluaskan bagi meliputi tanah-tanah di sekeliling untuk tujuan pembangunan seperti pertanian, perindustrian dan perumahan.

Sebenarnya untuk mempertingkatkan dan memodenkan kampung-kampung tradisi, ladang-ladang dan perkampungan-perkampungan baru di kawasan luar bandar, satu cara positif ialah bagi menghubungkan atau mencantumkan kampung-kampung berhampiran dan perkampungan-perkampungan baru dengan bandar-bandar-bandar kecil yang lain. Dengan perancangan rapi dan teratur, cara ini bukan sahaja akan mempertingkatkan dan memperbaiki keadaan hidup dan mutu kehidupan rakyat dan membasmikan kemiskinan, tetapi juga dapat mengagihkan penduduk secara rata ke kawasan pembangunan yang lebih luas agar objektif penyusunan semula masyarakat ataupun penyusunan semula struktur dan integrasi berbagai kaum di negara kita dapat dicapai. Oleh itu, saya menyeru Kerajaan supaya mempertimbangkan cadangan tersebut secara positif.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi, saya ingin memuji Yang Berhormat Mencari Kewangan dan Kerajaan Persekutuan kita kerana telah menyediakan satu Belanjawan bagi tahun 1990 yang baik, yang praktis dan akan membawa manfaat kepada semua lapisan rakyat. Dengan ini, saya mohon menyokong Rang Undang-undang Perbekalan bagi tahun 1990 yang telah dibincangkan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Aion.

5.05 ptg.

Puan Aion binti Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan ribuan terima kasih. Saya juga bangun menyokong dengan rasa syukur

dan dengan rasa puas hati untuk menyokong suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulanwang yang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 1990 dan bagi mempertuntukkan wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu.

Tuan Yang di-Pertua, pertama-tamanya dengan hati yang ikhlas dan dengan rasa bangga, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Menteri Kewangan Malaysia, seorang muda yang dedikasi dan berpengetahuan tinggi dalam hal ehwal perekonomian negara dan dalam hal ehwal permasalahan negara yang berkaitan dengan kehidupan rakyat, terutamanya dalam bidang perekonomian.

Pembentangan Belanjawan oleh beliau di Dewan Rakyat diikuti pula di Dewan Negara yang mulia ini sesungguhnya merupakan satu rahmat, satu berita yang menggembirakan, dan rakyat sekalian daripada bawahan sehinggalah ke peringkat atasan memuji dan merasa bahagia dengan pembentangan Belanjawan itu yang hampir 61% daripada belanjawan ini adalah ditujukan khusus kepada rakyat-rakyat yang sederhana, yang miskin dan yang termiskin. Sedikit benar peruntukan ini untuk perkara-perkara mewah atau perkara-perkara lumayan.

Hanya sanya, Tuan yang di-Pertua, yang masih juga tidak puas hati, yang masih juga membangkang dan menyentuh itu dan ini, yang masih merasakan kurang senang ialah mereka yang diragui taatnya kepada negara ini dan yang bertujuan untuk mengambilalih kuasa negara ini demi untuk kepentingan mereka dan kumpulan serta golongan mereka, terutamanya dari kumpulan Pembangkang yang terkenal dengan sikap tidak siumannya iaitu DAP.

Tuan Yang di-Pertua, di mukasurat pertama dalam buku saranan pembentangan Belanjawan yang diberi nama "Belanjawan Tahun 1990",

dalam Kata-kata Pendahuluan terkumpul beberapa hasrat baik dan niat ikhlas Kerajaan kepada rakyat di negara ini yang berbunyi:

"Semenjak tahun 1987, ekonomi negara telah berkembang dengan kadar yang menggalakkan. Kini ekonomi negara sedang berkembang pesat, pelaburan telah meningkat dengan menggalakkan. Perbelanjaan penggunaan adalah di tahap yang tinggi. Kedudukan kewangan Kerajaan pula telah bertambah kukuh. Memandangkan asas-asas ekonomi yang lebih baik, kegiatan ekonomi dalam beberapa tahun yang akan datang dijangka terus menggalakkan."

Ayat yang menggembirakan saya ialah: "Dengan ini kita boleh memasuki dekad 1990an dengan penuh keyakinan."

Tuan Yang di-Pertua, dengan berbekalkan kepada keyakinan, pemimpin-pemimpin kita terutamanya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang kita kasihi, yang terkenal dengan jiwanya yang dedikasi, ikhlas dan luhur untuk memandang tinggi kepada kepentingan negara dan rakyat, dengan satu rahsianya iaitu keyakinan. Maka dengan keyakinan inilah kita telah dapat merempuh berbagai-bagai peristiwa, berbagai-bagai halangan dan berbagai-bagai rintangan yang berlaku di negara kita ini dalam kita hendak mengujudkan kestabilan perekonomian, kestabilan politik dan kestabilan negara itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, seperti juga sahabat-sahabat saya, saya juga ingin memulakan hujah-hujah saya, insya Allah tidak panjang, diharapkan kawan-kawan tidak ragu-ragu dan bimbang, iaitu Belanjawan ini berdasarkan kepada tiga strategi:

- (i) mengekalkan tahap pertumbuhan ekonomi yang tinggi. Ini satu kesyukuran, satu harapan;

- (ii) mengawal kenaikan harga khusus untuk rakyat jelata yang perlu dipelihara;
- (iii) meneruskan kawalan ke atas perbelanjaan awam. Maksudnya jimat cermat. Ini juga akhbar berita gembira untuk semua rakyat yang cintakan negaranya, yang tak cinta memanglah dia tak pernah peka dengan keadaan-keadaan ini.

Jimat-cermat. Saya percaya dengan rasa keyakinan, dengan rasa kawalan, dengan jimat cermat kita akan menempuh dekad 1990an dengan kejayaan yang lebih gamilang. Prestasi perekonomian yang lebih tinggi dan ianya akan membahagiakan rakyat jelata di, negara ini, Tuan Yang di-Pertua. Ini terdapat di mukasurat 7 dan 8 dalam buku berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, sehubungan dengan itu saya sekarang ingin masuk kepada arena sentuhan-sentuhan. Kepada Kementerian-kementerian atau jabatan-jabatan yang telah diperuntukkan beberapa kewangan yang disenaraikan di dalam Akta ini .

Dengan permulaannya, saya ingin mengucapkan sekali lagi dengan hati yang ikhlas dari rasa taat setia kepada negara dan rakyat setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad yang menjadi pucuk pimpinan Ketua Negara dan Kabinet kerana di dalam kapimpinannya di dalam tahun sudah dan tahun ini sahaja kita telah mencapai berbagai-bagai kemajuan dan berbagai-bagai pcestasi imej negara yang baik bukan sahaja untuk rakyat di negara kita tetapi juga di mata dunia.

Umpamanya, penglibatan Malaysia di Bangsa-bangsa Bersatu, Tuan Yang di-Pertua, bagaimana kita telah dapat membuka mata di tempat yang menjadi tumpuan dan perhatian dunia. Permasalahan negara-negara dan negeri-negeri di dunia. Dunia gagah, dunia lemah. Di Bangsa-bangsa Bersatu, Malaysia mendapat tempat dan membuka mata kepada Dewan itu sendiri dan kepada penyertaannya, terutamanya apabila Yang Amat Berhormat kita membuat ucapan-ucapan yang bernas,

merabawa beberapa saranan-saranan yang bernas dan kemudiannya mendapat sokongan-sokongan, terutama dalam beliau membela untung nasib negara-negara yang miskin, terjajah dan yang masih lagi di dalam kongkongan-kongkongan yang memerlukan tindakan-tindakan yang diberikan hak-hak asasi.

Kita berjaya mendapat tempat di Majlis Keselamatan. Berjaya menjadi pengerusi kepada Kumpulan Negara-negara Berkecuali 77. Kita berjaya lagi dengan Menteri kita yang muda remaja iaitu Yang Berhormat Tuan Anwar Ibrahim yang telah menjadi Pengerusi Parsidangan UNESCO yang tidak pernah kita mimpikan iaitu satu badan yang benar-benar berwibawa dalam dunia. Kita juga masyhur dengan usul kita "Selatan Selatan" dan terakhir sekali yang telah menserlahkan Malaysia ke negara-negara di dunia ialah mengenai Persidangan CHOGM di Malaysia ini.

Atas idea, saranan, cadangan dan diteruskan menjadi rancangan oleh Yang Berhormat Tan Sri Datuk Abang Haji Ahmad Urai, Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara yang kita hormati, baru-baru ini Senator—senator yang berkesempatan telah dapat melawat negara-negara ASEAN walaupun tidak habis kerana masalah di Filipina. Dari lawatan singkat ini dengan jelas dan nyata kami telah menerima sambutan dan pujian kepada prestasi negara di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, khasnya mengenai CHOGM.

Selain daripada itu kita juga dapat menamui beberapa penuntut-penuntut kita di luar negeri yang juga memuji-muji mengenai prestasi kita, ketegasan Perdana Menteri kita dan negara kita di dalam Persidangan CHOGM yang berkenaan, terutama ketegasan kita mengenai masalah apactheid di Afrika Selatan. Dan sekarang Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kita ada di Bangsa-bangsa Bersatu

yang menyuarakan suara-suara lantang kita untuk membuka mata dunia bahawa negara-negara yang mewah, negara-negara yang disebut raksaksa atau giant, dengan izin, tidaklah boleh menindas dengan sewenang-wenangnya negara-negara yang lemah.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Akta pertama-tama saya ,ingin menyentuh mengenai Jabatan Perdana Menteri. Sesungguhnya Jabatan ini telah berjaya menjalankan fungsinya dengan baik dan menjadikan Malaysia seolah-olah syurga di rantau Asia-Pasifik.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita bandingkan Malaysia dengan negara-negara lain di rantau Asia-Pasifik, syaratnya kita kena menelitalah , meninjau, menengok dengan mata kepala kita, peka dengan kaadaan-keadaan persekitaran maka kita akan rasa negara kita inilah negara yang paling baik dan boleh dianggap sebagai syurga di rantau Asia-Pasifik ini. Tidak ada rakyat kita yang mati kelaparan terketek-ketek di tepi jalan. Tidak ada poninta sedekah yang terdiri daripada kanak-kanak kecil bilangannya bukan sahaja ratusan tetapi ada yang ribuan. Tidak ada penindasan yang berlebih-lebihan Tidak ada sama sekali diskriminasi antara wanita dan lelaki dan tidak ada langsung tindas-menindas di antara kaum-kaum yang katurunan-keturunan warganegara Malaysia kita walaupun kita terdiri daripada berbagai-bagai keturunan yang menjadi warganegarakita.

Saya percaya, Yang Berhormat sahabat saya Encik Tiong Hiew King juga mengakui bahawa Malaysia ini adalah syurga. Saya sebut sahabat saya ini kerana sahabat saya ini dalam lawatan dahulu telah banyak berkorban membantu Tuan Yang di-Pertua menyelamatkan kami daripada peristiwa di Manila, kamudian beliau telah memberikan pendapatnya sendiri dalam kami berbual-bual. Beliau ada menyentuh sedikit

mengenai ucapan Yang Berhormat Dato' Seri Haji Mohd Najib iaitu yang berkaitan dengan status bumiputera.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin beri pandangan sahaja mengenai pandangan Yang Berhormat itu iaitu Dato' Seri Mohd Najib sama sekali tidak bermaksud untuk hendak mengkasta-kastakan katurunan-keturunan yang ada di Malaysia. Ucapan beliau membawa maksud meminta sahabat-sahabat, kawan-kawan, lain-lain keturunan warga negara Malaysia - warga negara Malaysia, saya ulang sekali lagi, janganlah mempertikaikan sangat mengenai teras kebudayaan nasional itu yang telah kita persetujui dikeduk daripada teras kebudayaan Melayu, yang tidak ada banyak bezannya dengan culture atau dengan kebudayaan bangsa India dan juga bangsa Tionghua. Dan kalau pun beliau ada menyebut mengenai status bumiputera, ianya adalah perkara-perkara yang berkaitan dengan yang telah diperlembagakan dalam Perlembagaan negara. Kita harap pihak Kementerian yang berkenaan akan dapat menjawab dan memberikan penjelasan yang jelas mengenai kekilanan dan mungkin sedikit kekeliruan Yang Berhormat sahabat saya **ini**.

Tuan Yang di-Pertua, saya beralih kepada untuk menyentuh satu Kementerian iaitu mengenai Jabatan Perpaduan Negara, B. 12 mendapat peruntukan \$ 17,214, 800. Banyak itu. Saya tahu Kementerian ini berguna sangat untuk negara kita iaitu untuk membendung mereka yang hari-hari kerjanya tidak lain, ada di antara kita "culprit-culprit," Tuan Yang di-Pertua. Saya gunakan perkataan ini walaupun di dalam Dewan yang mulia, sebab kalau guna perkataan yang baik banyak orang tidak faham maksud **itu**. Jadi saya direct sahajalah, Tuan Yang di-Pertua. Iaitu mereka yang suka sangat menghasut, mengadu-domba, memfitnah dan sentiasa mengecam semua perkara yang dilakukan oleh Kerajaan atau oleh parti-parti

yang ingin mendukung hasrat negara. Maka Jabatan ini adalah ditugaskan khusus untuk mengembelingkan semua tenaga rakyat jelata untuk membuat perancangan-perancangan, menyusun beberapa program-prpgram atau dalam bahasa baku program-program yang membawa kepada perpaduan, menghilangkan kekeliruan dan mendekatkan jurang-jurang antara kaum-kaum, sahabat dengan sahabat di mana-mana sahaja mereka berada. Bukan sahaja perpaduan di kalangan keturunan-keturunan tetapi juga perpaduan di kalangan satu-satu keturunan

Kita rasa sedih kerana sekarang ini terdapat percanggahan pendapat, terdapat pertengkaran kecil, salah faham, berlainan hala dan tujuan di kalangan bumiputera atau keturunan Melayu sendiri. Dengan wujudnya Semangat 46 dan dengan tiupan sentimen daripada parti PAS umpamanya. Saya ingin meminta kepada jabatan **ini**, saya pernah membaca, meneliti perancangannya sungguh cantik-cantik, indah-indah, bagus-bagus, sebahagiannya telahpun dijalankan di peringkat negeri-negeri dan daerah-daerah, tetapi ada juga di tempat-tempat, di negeri-negeri dan di daerah-daerah yang program-program ini tinggal dalam carta-carta sahaja, tinggal di dalam bentuk rajah-rajah, dalam taklimat-taklimat tetapi tidak berfungsi sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memberikan pandangan kepada jabatan ini, berilah perhatian yang serius terhadap mendekatkan jurang di antara keturunan-keturunan ini di pendalaman. Dalam bandar tidak ada masalah, selalu sahaja kita berinteraksi, tetapi di pendalaman terutamanya di kawasan-kawasan perladangan, di estet-estet umpamanya. Kadang-kadang di estet-estet ini ada terdapat sekumpulan keturunan ini dan sekumpulan keturunan lain tetapi mereka ini masing-masing sebok dengan kerja masing-masing dan selalulah mereka ini tidak digalakkan berinteraksi dan masing-masing membawa hala masing-masing. Ini jugalah yang menyebabkan Bahasa Malaysia itu tidak dapat diterapkan dengan baiknya sebagai bahasa harian. Di sekolah memang adalah, kita tidak nafikan. Kalau Jabatan Perpaduan ini dapat menggerakkan bebarapa program di kawasan-kawasan berkenaan, kerana peruntukan pun telah ada, saya percaya ini dapat dikurangkan dan dapat dipertingkatkan.

Tuan Yang di-Pertua, lagi satu Kementerian yang saya ingin sentuh ialah mengenai Jabatan Perancangan bandar dan Desa. Kita memang telah membaca dalam buku ini, dalam suratkhobar, dengan ucapan Menteri-menteri dan juga Menteri yang bertanggungjawab. Memang Jabatan Perancangan Bandar dan Desa ini sangat-sangat mengambil berat tentang perancangan mereka. Yang saya ingin katakan ialah mengenai pelaksanaan. Mengenai bandar, tidak diragu-ragukan kerana kebanyakan bandar telah membangun dengan baiknya mengikut perancangan-perancangan walaupun kadang-kala perancangan itu bertindan-tindan tetapi dapat diusaha dan diselesaikan, terutama dalam bandaraya Kuala Lumpur.

Tetapi di desa, kita mengucapkan tahniah, memang banyak desa-desa yang telah dibangunkan tetapi masih ada lagi yang perlu mendapat perhatian serius dan perlu dilaksanakan dengan sewajarnya dan saya mencadangkan supaya pelaksanaan di desa ini ianya sampai terus ke akar umbi kepada yang berkenaan diwujudkan Jawatankuasa Peneliti. Bukan kita tidak yakin dengan Wakil Rakyat atau Jawatankuasa Kemajuan Kampung ataupun dengan Pegawai-pegawai Daerah tetapi tidaklah pula mustahil terdapat perancangan-perancangan yang tidak dilaksanakan 100% seperti yang dirancang dan peruntukan yang diberi. Kalau ada Jawatankuasa Pengawas ini yang terdiri, daripada orang-orang yang neutral atau yang tidak ada kepentingan, kita harap perlaksanaannya ini tidak akan menimbulkan apa-apa isu lagi dan dengan ini rakyat jelata keseluruhannya seronok, bahagia, merasa syer mereka atau bahagian mereka dalam negara kita yang aman dan makmur ini.

Tuan Yang di-Pertua, sedikit perkara yang saya ingin sentuh ialah mengenai Kementerian Kebudayaan dan Sukan. Ini hanya satu bab sahaja, saya tahu Kementerian ini bekerja keras. Menterinya orang muda dan dedikasi serta banyak memberi masa kepada Kementeriannya hanya dalam latihan-latihan vokasional, pertolongan belia niaga dan lain-lain. Ini kalaulah dapat dibuat satu kajian kekesanannya, dibuat satu post-mortem di mana kelemahannya, bagaimana targetnya masih juga tidak kecapaian sehingga kini, walaupun Menterinya atau Timbalan Menterinya mengatakan sekian banyak maju, sekian banyak latih, sekian banyak sudah dapat peruntukan dan lain-lain, tetapi ada atau tidak follow-up, dengan izin, ada atau tidak susulan kepada kekesan segala projek, segala peruntukan, segala bantuan, segala latihan yang diberikan dan kalau ianya didapati ada kelemahan-kelemahan, saya percaya pegawai-pegawai di Kementerian ini sangat ramai, sangat banyak yang bijaksana, dan dengan bantuan daripada badan-badan persatuan, orang-orang cendekiawan dalam masyarakat, perkara ini boleh dielakkan supaya masalah pengangguran boleh kita selesaikan dengan jangka yang lebih cepat daripada yang kita rangka, sebab pengangguran masih menjadi masalah besar.

Tadi saya ingin bertanya soalan tambahan iaitu hendak tahu berapa bilangan yang sebenar-benarnya yang telah diteliti bersungguh-sungguh dengan kajian-kajian perangkaan yang betul mahasiswa atau siswazah-siswazah yang masih menganggur. Saya percaya masalah ini masih besar, belum lagi di kalangan mereka yang berpelajaran, ertinya bukan dalam kalangan siswazah dan yang kurang pelajaran

tinggi, pelajaran rendah, peruntukan untuk kerja-kerja di separuh mahir, tidak mahir atau pekerjaan-pekerjaan buruh.

Saya katakan begini kerana kami selalu menerima ibubapa dan keluarga yang minta tolong sokong anak mereka untuk hendak mencari kerja sama ada di swasta atau lain-lain. Mereka bukan memilih. Kalau kita buat alasan bahawa pengangguran ini tidak dapat diatasi dengan segera kerana kebanyakan rakyat kita, belia kita, siswsazah kita memilih-milih pekerjaan. Saya kurang berkenan dengan perkataan **ini**. Seolah-olah kita hendak menyurukkan kelemahan kita dengan satu lemparan gahaja. Bukan semuanya memilih, ada juga di antara mereka itu yang berminat, mungkin satu dua yang memilih, tidak semua tetapi kadang-kadang mereka tidak didekati, tidak mendapat peluang. Satu pekerjaan di swasta kosong, 100 orang datang, macam mana kita memilih kerja? Berpuluh-puluh yang datang. Salah seorang penganggur ini ialah anak saya sendiri yang berkelulusan dari California University, tetapi masih menganggur beliau tidak memilih, sebarang swasta dia memohon kerja yang kerja rendah pun dia buat sehinggalah akhirnya beliau membuat kerja-kerja menjual barang dari rumah ke rumah. Kelulusan dari California University dalam bahagian perdagangan dan kemudian dalam bahagian kewangan, finance, tetapi dia sanggup menjadi dealer menjual barang-barang dari rumah ke rumah. Ini tidak memilih, saya rasa kerana belum mendapat peluang yang sesuai.

Jadi contoh dari situ, saya Ini ramai kenalan, tiada Menteri yang saya tidak kenal, anak saya masih menganggur, maka saya kurang berkenan dengan perkataan "memilih-milih". Yang sebenarnya

peluang. Jadi tolonglah, saya haraplah pegawai-pegawai tinggi, saya rasa sedih juga mengambil kesempatan sedikit, bila di Dewan Negara kita bercakap, membahs apa sahaja Akta, yang sangat taat menunggu, yang pertama yang kami kasihi ialah Dato Hussein dan yang keduanya kalau ada, Yang Berhormat kita Dato' Nijhar. Yang lain-lain itu, wallahualam-bissawab, barangkali busy, terlalu busy. Jadi pegawai-pegawai sahaja yang ada, maka terpaksa kami menghalakan perkara ini kepada pegawai-pegawai, wakil-wakil jabatan Kementerian berkenaan - tolong bawa tuan-tuan/puan-puan, saya tidak tahu pangkat tuan-tua/puan-puan, tetapi tidak salah kita memanggil sesama rakyat kita tuan. Dahulu, Mat Salleh sapu jalan pun kita panggil tuan.

Jadi, saya panggil tuan dan puan, tolong buat laporan dengan fikiran terbuka, jangan tertutup. Tertutup begini - dengar apa orang ini cakap, kemudian cari jalan macam mana hendak jawab, hendak jawab, hendak menangkis sahaja. Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak luahkan perasaan **ini**. Saya kadang-kadang rasa terkilan juga kebanyakan daripada Menteri, Timbalan Menteri, Setiausaha Parlimen yang menjawab hanya menangkis. Kadang-kadang benda itu terang-terang tidak betul, dia kata betul juga.

Umpamanya, macam sahabat saya Dato' Haji Ahmad Dusuki, Setiausaha Parlimen. Terang-terang dia kata, dia akan deny, dengan izin, dia akan nafikan, Tujuan kami di sini bukan hendak menghentam, hendak memberikan pandangan-pandangan dan kalau ada usik-usik itupun dengan tujuan provokasi sebab kalau tidak usik, tidak terjaga, lena sahaja. Jadi kita sentuh-sentuhlah sedikit, bila sudah lena kita terapkan pandangan dan cadangan. Yang logik-logik itu terimalah, tidak usahlah tangkis sahaja. Kalau yang tidak logik, beri alasan yang munasabah. Kalau kita buat soalan tambahan yang ketiga kali, suara sudah lain macam, Tuan Yang di-Pertua, lain macam bunyi dia punya nada **itu**. Lain sedikit, nada dia sudah bercampur dengan emosi seolah-oleh Kementerian itu kepunyaannya sendiri, Tuan Yang di-Pertua **[Tepuk]**.

Sekarang saya ingin menyentuh mengenai perkara Kementerian Perdagangan dan Perindustrian. Kementerian ini juga berfungsi dengan hebatnya, Menterinya seorang wanita, tidak siapa menafikan Menteri kami ini memang gigih, berdedikasi Lebih daripada orang laki-laki. Ini diakui oleh negara luar. Bila kami pergi ke London, seorang Menteri Luar yang kami temui di sana memuji-muji Menteri kami ini. Dia kata, "sungguh-sungguh memeranjatkan kerana ada Menteri wanita yang berfikiran begitu jauh dalam hal perdagangan

dan perindustrian dari Malaysia, negara yang pernah kami jajah". Ini dia cakap sendiri, tempatnya ialah di Malaysia Hall, dengan izin. Jadi, pujian saya bukan kerana dia Menteri wanita tetapi kerana kewibawaannya.

Saya ingin menyentuh sedikit mengenai perkara yang mungkin bukan dalam Kementerian ini, mungkin dalam Kementerian Kewangan iaitu mengenai dagangan dalaman BSKL setelah terpisah dengan BSS iaitu Bursa Saham Kuala Lumpur. Saya ingin merujuk perkara ini kepada satu artikel atau rencana di dalam Utusan Melayu semalam, 18hb Disember. Saya suka sangat baca Utusan Melayu. Utusan Malaysia dan semua suratkhobar saya baca tetapi Utusan Melayu ini menjadi suratkhobar yang paling saya minat kerana saya boleh membaca jawi pantas lebih daripada yang lain-lain.

Saya mendapat pendidikan jawi, Tuan Yang di-Pertua, dahulunya iaitu mengenai masalah kegiatan dagangan dalaman atau satu cara yang mudah atau boleh mendapatkan keuntungan besar dalam sekelip mata. Tetapi perkara ini mungkin akan merendahkan imej BSKL kita. Nampaknya Menteri Kewangan kita sudah menyedari perkara ini dan sudahpun memberikan amaran. Jadi, saya sendiri ingin menyuarakan dan mengharapkan perkara ini segera diambil perhatian kerana disebabkan oleh keadaan ini kegiatan dagangan dalaman dengan mudah boleh menghilangkan keyakinan para pelabur kepada bursa saham berkenaan.

Saya sokong rencana pengarang ini dan meminta perhatian yang lebih berat dan lebih serius daripada Menteri Kewangan dan daripada Perdana Menteri kerana kalau sekadar amaran-amaran sahaja, perkara kebendaan ini tidak jalan. Kalau perlu buat Akta, pindaan Akta dan perlu dibuat dengan perkara yang melalui Akta. Kita faham sangat manusia ini bukan semua, yang kurang beriman yang menghalakan hidupnya kepada kebendaan dia tidak peduli, Tuan Yang di-Pertua. Bila dia sudah merasa lemak, untung sekelip mata, rahsia dalam jual

keluar dan kemudian dia bagi tip. Jadi ini akan merugikan pihak lain dia tidak peduli, Kalau tidak ada Akta, tidak ada undang-undang, tidak dipecut kata orang Melayu, orang kata dia tidak akan peduli. Amaran demi amaran tidak akan berkesan. Saya mencadangkan supaya diadakan tindakan tegas melalui Akta atau melalui perundangan.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya hendak menyentuh mengenai B.22. Ini belum disentuh lagi iaitu Muzium Negara. Peruntukan dapat lebih kurang \$3,825,500 - boleh tahanlah.

Muzium Negara pernah saya bawa ke dalam Dewan ini dahulu. Kita memang patut merasa bangga dengan apa yang kita punyai tetapi dengan adanya peruntukan **ini**, kita mengharapkanlah iaitu Muzium Negara ini eloklah memikirkan sedikit mengenai perubahan-perubahan yang sejajar, muzium itu dengan kepesatan pembangunan dalam negara kita daripada sekadar membuat pameran demi pameran. Adalah baiknya Muzium kita ini membuat sesuatu yang lebih berkesan, yang lebih bermakna mengenai sejarah negeri kita ini dan juga pameran yang tetap untuk para pelancong khasnya kepada untuk rujukan pelajaran kepada jenerasi muda kita.

Tuan Yang di-Pertua, perkara lain yang saya ingin sentuh ialah Kementerian Pendidikan iaitu B.26 yang mendapat peruntukan \$4,664,243,600. Syabas, alhamdulillah, terima kasih kepada Kerajaan. Kementerian ini perlu sangat mendapat peruntukan banyak. Inilah Kementerian yang akan membentuk generasi akan datang - hendak jadi manusia atau hendak jadi al-syaitan. Hendak jadi orang yang taat kepada negara atau hendak jadi penderhaka, jadi orang yang tahu mengenang budi atau yang tidak pernah tahu berterima kasih, tidak bersyukur. Jadi, Kementerian ini bagus sangat mendapat peruntukan yang banyak.

Cuma saya ingin menyentuh sedikit, semalam sahabat saya membawa perkara guru-guru Bahasa Malaysia di Sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan. Dia kata ada sekolah sudah buka 2,3 bulan tidak ada lagi cikgu. Kemudian, ada pula cikgu, sesetengah tempat yang didatangkan di situ ialah mereka yang dibuang daerah. Cikgu-cikgu ini barangkali tidak mengikut peraturan-peraturan, tidak disenangi oleh Guru Besar, barangkali membuat beberapa kesalahan dari segi tata tertib, sibuk berniaga sahaja tidak mempedulikan murid-murid ataupun sibuk dengan persatuan ataupun asyik sahaja dengan girl friend, tidak memperdulikan tanggungjawab atau tidak bekerja dengan memuaskan, maka ianya dihukum tukar ke pendalaman. Maka tempat yang akan dihantar dia ialah di sekolah-sekolah yang berkenaan.

Saya juga kurang setuju sebab kalau kita hendak mempertingkatkan, memperdaulatkan dan memberikan bahasa itu sebagai nafas kepada perpaduan, sebagai satu alat perhubungan yang berkesan, janganlah dihantar mereka yang mempunyai rekod hitam ini. Kalau orang yang telah bermasalah mengajar orang yang masih bersih dan yang masih memerlukan bimbingan, nanti permasalahan itu berjangkit dan prestasi dia pasti lebih merosot. Pertama, dia geram, dia dendam kerana hukuman **itu**. Kedua, kerana dia memang jenis yang tidak baik.

Saya mengesyorkan kalau ada yang menyalahi tatasusila, yang melanggar peradaban dan yang melanggar peraturan-peraturan pekerjaan, tidak berminat, yang pertama, denda dia, digantung kenai-kan gaji atau dia diberi cuti tiga bulan tidak bergaji, dibuat satu Akta baru macam cikgu-cikgu dahulu. Jadi, cara ini dia dapat memikirkan kesalahan dia, membetulkan kesilapannya. Kalau dia dihantar ke tempat-tempat yang begini, saya rasa kita membiakkan kuman bukannya menghapuskan kuman dan kita menggalakkan perkara-

perkara yang tidak berkualiti datang daripada bawahan. Jadi, kata pepatah Melayu, Tuan Yang di-Pertua, kalau keruhlah air di hulu, maka keruhlah air di hilir.

Tuan Yang di-Pertua, seperkara lagi saya ingin juga menyentuh mengenai peranan PIBG - Persatuan Ibu-Bapa dan Guru-guru. Persatuan ini juga di sesetengah sekolah sangat aktif dan membantu dengan banyaknya kemajuan sekolah-sekolah tetapi ada rungutan dan juga aduan yang telah kita terima, ada PIBG di sekolah-sekolah yang rajin sangat, aktif sangat membuat kegiatan mengutip derma, mengutip derma hendak membuat satu majlis perjumpaan, mengutip derma untuk hendak membanyakkkan perkara-perkara kebajikan di sekolah dengan permainan, padang bola dan lain-lain. Tujuan itu baik, kala-kalanya tidak, kala-kalanya tidak munasabah,

Apa yang saya hendak sentuh ialah janganlah gunakan murid-murid sebagai alat kerana ada yang mengadu murid-murid ini tidak mahu pergi ke sekolah apabila kertas derma yang diberikan itu tidak dapat diisi, kalau bagi orang yang ada-ada barangkali emaknya tidak payah minta orang lain, dia sahaja isi \$10, \$30, \$200, \$3,000 tidak kira tetapi bagi murid yang tidak berkemampuan dan duduk dalam kawasan rata-rata tidak banyak kemampuan, bagaimana dia hendak mengedarkan kertas ini untuk minta derma. Bila dia tidak dapat derma, dia segan hendak pergi ke sekolah, takut diejek oleh kawan, takut dimarah oleh cikgu. Ini memerosotkan prestasi murid berkenaan. Saya rasa dalam hendak kutip derma ini, ada baiknya dicari jalan yang tidak menyentuh dan menggunakan murid-murid sekolah. Boleh dibuat hantar surat dalam kawasan itu, kita kenal ada yang kaya, ada yang sederhana, hantar surat direct melalui pos ataupun melalui lain-lain cara. Jangan disusahkan murid-murid.

Saya faham benar perkara ini kerana banyak rungutan dibuat, ibu bapa ini rasa susah hati kerana anak dia selalu sahaja membawa kertas-kertas derma, kalau tidak beri derma anaknya tidak mahu pergi sekolah, macam saya sebut tadi.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya sentuh mengenai Kementerian Kesihatan.

Saya mengucapkan terima kasih kepada Menteri yang berkenaan kerana saranan saya lebih kurang setahun yang lalu telahpun dipenuhi sebahagiannya iaitu mengenai permintaan mengadakan mesyins mesyin radioterapi di tempat-tempat yang mustahak termasuklah di Kelantan dan di Pulau Pinang. Ada pengisytiharan telah dibuat bahawa Hospital-hospital Besar macam ini akan ditempatkan mesyins mesyin radioterapi untuk penyakit-penyakit yang berkait dengan kanser dan jenis-jenis kanser, dan kemudian seperkara lagi mengenai mesyin dialysis untuk sakit buah pinggang, tetapi yang ini belum lagi dipenuhi.

Saya merayu supaya cerita Wakil Rakyat di Dewan Rakyat, dua orang sahabat baiknya mati kerana tidak dapat menggunakan dan tidak dapat bantuan daripada mesyin yang berkenaan dipertimbangkan dengan sewajarnya, Nampaknya wang sebanyak \$1,278,135,500 diperuntukkan, saya harap Kementerian ini dapat memperlengkapkan kemudahan-kemudahan yang diperlukan oleh rakyat yang entah kenapa kian lama kian ramai orang yang sakit buah pinggang sekarang ini. Rekod-rekod

peningkatan orang sakit buah pinggang sudah terlalu banyak kerana makanan terlampau banyakkah, jenis makanan yang ada chemicalkah atau terlampau rajin sebelah malam ke, ini saya tidak faham.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang....

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Haji Hussein bin Ahmad]: Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan. Rajin apa sebelah malam ini? **[Ketawa]**

Puan Ainon binti Ariffin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Rajin di sebelah malam ini ialah kegiatan yang nature, ada orang dia ada program, tetapi ada orang dia tidak ada program, dia ikut rasa dan selera. Ini kehendak-kehendak tabie manusia sama ada bersuami-isteri atau yang belum bersuami-isteri. Jadi ini juga boleh menjejaskan buah pinggang.

Untuk pengetahuan Datuk yang bertanya kegiatan begini kalau tidak diprogramkan, ianya boleh menjejaskan buah pinggang. Ini cerita betul - doktor cakap. **[Ketawa]**

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya menyentuh sedikit mengenai Kementerian Dalam Negeri.

Kementerian Dalam Negeri, Tuan Yang di-Pertua, saya juga seperti sahabat saya dengan rasa sedih dan rasa terharu ingin mengucapkan setinggi-tinggi takziah kepada balu-balu, pahlawan-pahlawan yang antaranya saya kenali dan kawan saya seperti Mejar **Jen.** Datuk Mustaffa Awang dan juga Brig. Jen. Datuk Hasbullah Yusof kerana dalam lawatan kami ke Sarawak dahulunya Senator-senator juga beliau inilah yang telah melayani kita, dan menjawab soalan serta memberikan taklimat dan beberapa orang rakan-rakan mereka yang telah

terkorban dengan nahas helikopter Nuri yang berlaku sehari yang lalu. Sebagai isteri seorang tentera yang sudah menjadi bekas tentera dan sebagai seorang yang pernah menjadi tentera, saya merasa amat pilu dan terharu dengan kejadian yang tidak disangka-sangka ini.

Saya sangat faham sebagai seorang Muslim, bahawa ini merupakan satu takdir, tetapi dari segi logiknya, saya ingin membuat komen ataupun membuat sentuhan kepada Kementerian Dalam Negeri sedikit, tetapi tujuan saya ialah kepada Kementerian Pertahanan.

Kita telah lama meminta di Dewan ini, dan ramai Wakil-wakil Rakyat dan orang-orang perseorangan dan juga khabarnya dalam majlis-majlis dailog antara pegawai-pegawai tinggi tentera pun dikemukakan mengenai ulangkajian kepada pengangkutan senjata-senjata, alat kemudahan tentera kita sama ada Tentera Darat, Laut, Udara dan juga tentera-tentera yang digunakan untuk penjara diteliti, diperbaiki dan diberikan pertambahan, pembaikan atau kalau boleh mana-mana yang sudah tua, lapuk itu diganti. Helikopter Nuri yang telah menerima nahas walaupun kerana kemalangan itu berlaku kerana keadaan cuaca yang buruk, tetapi Nuri itu berumur 21 tahun dan mungkin ianya tidak terpelihara dengan baik, mungkin alat-alat gantiannya tidak begitu sesuai atau mungkin beberapa perkara teknikal lain yang menyebabkan helikopter ini menemui nahasnya dan tidak ada daya-upaya mententang atau boleh digunakan dalam keadaan cuaca yang bukan begitu buruk.

Kita bukan ada angin puting beliung seperti di Filipina. Puting beliung atau kederasan angin, kelajuan angin ribut di negara kita ini biasanya tidak begitu teruk dan hebat, kalaulah kapal-terbang-kapalterbang kita ini jenis yang kuat, jenis yang baik,

jenis yang dipelihara dengan teliti, saya yakin dapat dielakkan kemalangan seperti ini.

Belum lama dahulu satu Helikopter Nuri jatuh, 21 orang **ter**-korban. Kemudian kali ini telah diberitakan 16 orang, tetapi khabarnya habis semua yang di dalam helikopter itu, tidak selamat. Allah cucuri rahmat di atas mereka semua, di atas niat ikhlas dan niat suci mereka memberikan jasa baktinya kepada negara. Kepada yang Muslim, saya merayu bacakanlah 'Fatihah' untuk aruah-aruah yang berkenaan, yang saya rasa kaitan kepada kemalangan ini adalah dari segi ada daripada segi kecuaiian. Kecuaiian Kementerian mungkin, kecuaiian bahagian-bahagian atau kecuaiian pihak-pihak yang mengendalikan pengangkutan udara ini mungkin. Sila buat kajian dan siasatan, janganlah berdalih sahaja, tangkis sahaja, apa yang kami rayukan ini, sebabnya saya rasa tidak logik kemalangan ini boleh berlaku, kalau tidak sebab-sebab dari hal ehwal teknikal atau teknik dari helikopter itu sendiri bukannya semata-mata kerana cuaca yang buruk atau oleh kerana kemalangan ini sudah ditakdirkan.

Tuan Yang di-Pertua, kita harap balu-balu yang berkenaan akan bersabar dan kita tidak mahu apa yang saya sarankan ini sampai kepada mereka, kerana mungkin mereka dengan ini merasa bahawa kehilangan kesayangan mereka ini disebabkan beberapa kecuaiian, biarlah mereka merasakan ini satu takdir dan ada nanti hikmah dan nikmatnya yang Allah akan beri kepada mereka dan anak-anak mereka yang tinggal.

Tuan Yang di-Pertua, seperkara lagi, Kementerian Dalam Negeri, saya ingin menyentuh B.35 peruntuk sebanyak \$90,769,900 iaitu **ber**-kaitan dengan dadah.

Tuan Yang di-Pertua, Menteri Dalam Negeri ini juga Perdana Menteri kita terkenal diseluruh dunia sebagai seorang pejuang dedikasi menentang ancaman dadah, dan baru-baru ini negara kita telah memberikan sumbangan kecil tanda simpati, tanda kita sehaluan dengan apa yang telah dibuat dan dilakukan, diperjuangkan di Colombia, negara bagi US\$20,000 - sedikit, tetapi penghargaan dan niat kita beri itu yang patut kita ketengahkan dan ianya telah diterima dengan rasa terharu oleh negara yang berkenaan, yang sedang bermati-matian, hari-hari mati menentang ancaman najis dadah.

Syabas kepada Perdana Menteri dan Malaysia yang telah dahulu-dahulu mengambil inisiatif, meletakkan benteng untuk menentang ancaman dadah ini dan nyatalah di negara kita bukan Kerajaan sahaja yang bermati-matian untuk menentang ancaman ini dan untuk membuat kempen-kempen dari bidang pendidikan dan pencegahan, dari bidang pemulihan dan juga pemulihan lanjutan juga untuk membanteras penyeludup-penyeludup atau dipanggil sebagai pak pusher-pak pusher iaitu pengedar-pengedard yang durjana, tetapi badan-badan dan kesatuan-kesatuan juga turut serta.

Saya ingin hendak membawa dalam Dewan **ini**, PEMADAM adalah sebuah persatuan anti-dadah yang paling aktif, yang dipengerusikan sendiri oleh Timbalan Menteri Dalam Negeri. PEMADAM tidak payah saya sebut, tidak payah saya jual, ramai orang, ramai rakyat mengetahui akan sumbangannya tetapi peruntukan yang Kerajaan beri kepada PEMADAM hanya \$100,000 setahun. Saya merayu bagi pihak PEMADAM dapatlah kiranya pihak Kerajaan dari peruntukan yang dapat di Kementerian Dalam Negeri ini berilah PEMADAM ini tambahan sebanyak \$200,000 lagi setahun kerana kegiatan PEMADAM merangkumi pendidikan pencegahan, membantu rawatan pemulihan, membantu pemulihan lanjutan dan juga bergiat di dalam bidang seliaan lanjutan. Jadinya kalau dapat ditambah, senanglah PEMADAM, tidaklah payah perlu minta derma sana-sini, Tuan Yang di-Pertua. Ini saya bawa sebagai Ahli Dewan Negara, bukan sebagai orang yang dikenal dalam PEMADAM.

Tuan Yang di-Pertua, seperkara lagi Kementerian Dalam Negeri, saya ingin menyentuh ialah mengenai perkara-perkara dan mengenai keselamatan dalam penjara. Saya faham Menteri dan Timbalan Menteri berkenaan telahpun bertindak tegas mengenai peristiwa-peristiwa yang ganjil yang kita rasa kurang percaya berlaku dalam negara kita ini mengenai banduan-banduan yang lari, ada yang lari dengan susah, ada yang lari dengan senang. Jadi sampai timbul pula cerita Polis-polis yang bukan di kalangan Penjara bercerita mengatakan: rakyat mengadukan mengenai jenayah, Polis menangkap orang-orang yang membuat jenayah, Penjara melepaskan mereka yang bersalah.

Jadi, janganlah perkara ini berulang lagi kerana kita dengar jawapan daripada sejak kejadian di Penjara Kuantan, di Pulau Pinang, di Pulau Jerejak, jawapan Menteri kita, Timbalan Menteri kita ialah kita akan berusaha sedaya-upaya, kita akan bertindak keras, kita akan mengambil perhatian berat tetapi kejadian demi kejadian berlaku juga. Yang paling memalukan negara ialah kejadian yang berlaku di Penjara Muar baru-baru **ini**. Kita berpendapat hukumlah sekeras-kerasnya mereka yang menjadi dalang-dalang dalam Penjara itu, sanggup menerima kewangan dan menggadaikan maruah negaranya, mendedahkan rakyatnya kepada gejala-gejala yang tidak sihat oleh penjenayah-penjenayah **ini**, Tuan Yang di-Pertua.

Jadi, kita harap peruntukan yang ada ini tolong tegak-tegakkan Penjara itu semua, pegawai-pegawai yang mana nampaknya lain macam - tukar, jangan susah, penganggur banyak, Tuan Yang di-Pertua. Latih mereka dalam 6 bulan, yang baru-baru ini dia kerja lagi dedikasi, kadang-kadang yang lama ini, kian lama kian cemerlang tetapi kadang-kadang kian lama kian malap. Jadi mana yang tidak ada motivasi ini kita tukarkan, tidak susah, rakyat kita ramai. Jadi jangan kita terlalu banyak tenggang-menenggang dan jangan terlampau kita berlemah-lembut dalam perkara-perkara yang merupakan maruah dan keselamatan negara **ini**, Tuan Yang di-Pertua.

Seperkara lagi yang saya ingin sentuh ialah mengenai HAWA - tidak ada di dalam ini peruntukan untuk HAWA di Jabatan Perdana Menteri, jadi ia masuk dalam peruncukan di Jabatan Perdana Menteri.

Saya tahu Timbalan Menteri yang ditugaskan di situ ialah di kalangan seorang yang dedikasi dan yang mempunyai potensi baik.

Cuma kita masih lagi ingin melihat prestasi HAWA ini biarlah berkembang dengan wajarnya dan biarlah ia membuat program-program yang munasabah dan yang boleh mendatangkan faedah jangka pendek dan jangka panjang kepada wanita-wanita dan mestilah diutamakan kepada matlamatnya iaitu untuk memperbaiki kehidupan dan untuk meninggikan prestasi wanita-wanita yang ketinggalan, wanita-wanita pendalaman dan penglibatan wanita-wanita yang mempunyai kelayakan-kelayakan dalam pembangunan, kerana bukan kita nafikan mereka tidak bergerak - bergerak sangat baik, sudah nampak sedikit sebanyak hasilnya, tetapi pencapaian matlamat ini perlu disegerakan, kerana ini sejajar dengan kemajuan negara. Tidak ada siapa menafikan wanita di Malaysia ini termaju kalau dibandingkan dengan wanita-wanita lain di negara-negara ASEAN sendiri. Jadi biarlah kemajuan ini berjalan mengikut salurannya tidak tersekat-sekat kerana kekurangan pelaksanaan untuk mengutamakan matlamat.

Tuan Yang di-Pertua, yang terakhir, ini berita gembira kepada kawan-kawan saya yang lain, ialah Kementerian Penerangan. Syabas dan terima kasih kerana pandangan Yang Berhormat Senator Salbiah telah diambil perhatian oleh Kementerian Penerangan dan juga yang lain-lain di Dewan Negara, saya pun ada juga sama menyebut, iaitu mengenai satu lagu selingan yang dulunya "Yahu, Yahu, Yahu" - sudah tidak ada Yahu-Yahunya, Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini telah ditukar dengan sewajarnya. Syukur, nampaknya peka Menteri itu kepada perkara yang berkenaan. Sebagaimana pekanya Kementerian yang berkenaan kepada perkara yang disebutkan ini walaupun ianya agak kecil, maka tolonglah peka juga kepada pandangan-pandangan yang saya hendak berikan ini.

Yang pertamanya, saya ingin bertanya mengapa sekarang ini siaran radio kita disebut Radio Satu, Radio Dua, Radio Tiga - bukan bahasa baku - Radio Satu, Radio Dua, Radio Tiga - dia tidak "a", dia "e" lagi. Jadi, ke mana hilangnya perkataan "Nasional"? Bagaimana kita hendak menerapkan nilai-nilai nasional, ini kepada rakyat kalau Jabatan Penyiaran yang paling rapat, paling dekat dengan rakyat sudah menghilangkan perkataan "Nasional" - Kebangsaan. Apakah tujuan pertukaran ini dibuat? Saya ingin penjelasan, kerana saya seorang yang pencinta kepada perkara-perkara nasional - penyatuan nasional, rakyat yang berfahaman kebangsaan, kepada dasar-dasar yang bercorak kebangsaan, kepada teras kebudayaan yang bercorak kebangsaan dan segala-galanya yang ada perkataan "Nasional" ini, kerana inilah dia cogankata yang menjadi panduan, matlamat dan pegangan kepada rakyat untuk berpadu - Radio Satu, Radio Dua, Radio Tiga, saya ingin hendak bertanya.

Kemudian, lagi satu saya juga turut dengan kawan-kawan yang lain mengenai penghapusan Laporan Dewan Rakyat ataupun Laporan Parlimen. Saya difahamkan tetapi saya tidak dengar sendiri, Tuan Yang di-Pertua, saya sedang mengkaji, ada jawapan yang diberikan kononnya ruangan ini tidak digemari, tidak disukai oleh pendengar-pendengar dan penonton-penonton kalau di TV, kalau di Radio oleh pendengar-pendengar. Saya ingin bertanya, Jabatan manakah yang telah membuat kajian yang begitu hebat, sebab ada lain-lain siaran yang orang muak, tidak suka tengok, masih ada lagi, tidak pula dibuat kajian. Yang ini telah dibuat kajian sedangkan perkara ini saya rasa, saya sama dengan sahabat saya, perlu dan berguna untuk rakyat

umum. Kalaupun hendak disiarkan buat siaran langsung, saya percaya mustahil boleh dibuat, diliput berjam-jam, tentulah dia akan ambil perkara-perkara yang penting sahaja. Jadi ada juga perkara-perkara yang dianggap tidak penting, ada di antaranya penting tidak dapat disiarkan. Kalau Laporan Parlimen, saya nampak bijak yang mengendalikannya itu, dia akan ambil, akan petik perkara-perkara yang penting-penting, yang ada kaitannya dengan rakyat, dengan negara, dengan prestasi Dewan, dengan kemampuan Kerajaan dan lain-lain juga.

Ada juga kadangkala itu sentuhan-sentuhan kita yang membina dikeluarkan juga. Jadi ini boleh membimbing dan memberi pengetahuan kepada rakyat jelata. Kalau kita tanya orang-orang yang tidak suka dengan perkara ini, jawabnya memanglah dia tidak suka, yang dia suka kalau dapat berilah dia filem-filem yang tadi ada kawan saya kata pakaiannya minima dan ada juga pihak yang terbanyak suka kalau pakaian itu langsung tidak ada mar-mar, naked, oh itu ada lagi, banyak lagi kumpulan yang suka kalau kita boleh buat begitu. Tetapi apa peranan Kerajaan melalui Kementerian ini, kita hendak dengar cakap rakyat atau kita hendak membimbing rakyat? Mungkin kita boleh dengar cakap rakyat yang berfaedah tetapi kalau yang tidak berfaedah, saya rasa kita perlu membuat penelitian sendiri.

Perkara yang penting difikirkan ialah kehendak-kehendak majoriti. Kalau minoriti tidak dengar pun tidak apalah, kalau majoriti, saya rasa perlu didengar. Saya harap nanti dalam jawapan, janganlah Menteri yang berkenaan, Timbalan atau Setiausaha Parlimennya melenting pula, saya menegur secara membina. Saya pernah di sana selama 8 tahun, memahami perkembangan-perkembangan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyarankan - saya tidak mahu merayu - saya hendak menyarankan, kerana Dewan ini itu tahapnya, kalau merayu itu sudah jauh ke bawah, Dewan ini adalah penentuan, kami dilantik di sini untuk membuat penentuan, keputusan, membimbing fikiran rakyat, menggembeling fikiran rakyat untuk dicantumkan dijadikan satu keputusan. Maka saya ingin menyarankan, kembalikanlah ruangan itu, walaupun tidak hendak liputan itu dibuat pada keseluruhan, ambillah yang baik-baik, syaratnya janganlah sentimen. Kalau dalam Jabatan ada sentimen, susahlah kita hendak maju. Sentimen maksudnya bila tengok seorang itu suka menegur, 'blacklist'kan dia ini! Janganlah begitu. Saya harap dan saya percaya tidak ada pegawai yang begitu sikapnya pada ketika ini kerana telah mendapat banyak kursus-kursus Tata Negara di Pulau Langkawi atau di mana-mana. Saya percaya mereka telah ditanamkan dengan semangat kesedaran kenegaraan yang tinggi, Tuan Yang di-Pertua.

Terakhir sekali, Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar iaitu menyentuh mengenai bantuan kepada mereka yang daif yang dikira di bawah pendapatan sekian-sekian banyak, ada anak sekian-sekian banyak, iaitu bantuan kepada yang termiskin ini dapat dilaksanakan mengikut sumber-sumber yang adil dan saksama. Terdapat beberapa kekeliruan-kekeliruan, kelemahan-kelemahan dalam pelaksanaan memberikan bantuan terus kepada mereka yang daif ini berlaku. Setengahnya digunakan untuk gymmick politik, setengahnya digunakan kerana pilih kasih dan juga berlaku beberapa perkara yang telah dikemukakan kepada kami. Dengan iklas saya merayu pihak Kementerian yang berkenaan, ini bukan salah Menterinya, bukan salah Timbalan Menterinya, tetapi mungkin pelaksanaan di peringkat daerah, di peringkat negeri, di peringkat kawasan yang telah terkeliru atau sengaja mengelirukan mengenai bantuan kepada mereka yang daif ini, kerana yang betul-betul daif melepasi, yang separuh daif dan yang tidak termasuk dalam tafsiran "daif" mendapat bantuan berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, teguran membina saya yang saya sebutkan tadi mudah-mudahan diambil pada positifnya dan tidak difikirkan dari segi negatifnya. Dengan sepenuh hati lagi sekali saya menyokong Rang Undang-undang di hadapan kita ini untuk diluluskan di Dewan Negara ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Saya beri peluang kepada Yang Berhormat dari Sabah, Dr. Chong.

6.03 ptg.

Dr. Chong Eng Leong: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbilang terima kasih kerana memberikan peluang kepada saya untuk mengambil bahagian di dalam perbincangan berkenaan dengan Rang Undang-undang Perbekalan 1990.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh beberapa tajuk. Pertama sekali saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kerajaan kerana terakhirnya membuat keputusan mengenai soal Seksyen 21(2) Akta Pendidikan di mana ia memberi kuasa kepada Menteri Pendidikan menukarkan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan kepada Sekolah Kebangsaan. Saya mengucapkan tahniah sekali lagi atas pandangan jauhnya dalam membatalkan Seksyen 21(2) ini.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai kebocoran kertas soalan dalam peperiksaan SPM yang baru-baru ini. Pegawai-pegawai dan orang ramai yang terlibat sepatutnya diberi hukuman yang seberat-beratnya sebagai satu langkah pencegahan. Walau bagaimanapun, saya berharap pihak Kementerian Pendidikan akan dapat mengelak sama sekali kebocoran seperti ini daripada berlaku lagi. Ia telah banyak kali berlaku dan menyebabkan peperiksaan ini menjadi sesuatu yang tidak bererti dan palsu semata-mata. Kebocoran tersebut telah menimbulkan kegusaran kepada guru-guru dan kebimbangan yang tidak sepatutnya berlaku kepada pelajar-pelajar dan ibu-bapa-ibu-bapa. Bersama-sama itu ia mengakibatkan Kerajaan juga terpaksa mengeluarkan belanja yang lebih.

Tuan Yang di-Pertua, apabila kita bercakap mengenai penyakit AIDS di dalam Dewan yang mulia **ini**, nampaknya ia hanya membawa ketenangan sahaja. Sejak beberapa bulan kebelakangan ini terdapat banyak kenyataan dalam suratkhbar-suratkhbar tempatan mengenai pembawa-pembawa penyakit AIDS baru di negara kita dan juga di negara-negara jiran kita. Pada bulan lepas telah disebutkan dalam salah satu daripada suratkhbar tempatan kita bahawa menjelang tahun 1991 bilangan membawa AIDS di seluruh dunia akan sampai kepada 10 juta

orang. Saya pernah mencadangkan dalam Dewan yang mulia **ini**. Tuan Yang di-Pertua, bahawa Kerajaan Malaysia harus mengemukakan kepada Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) cadangan untuk memasukkan ujian AIDS di dalam buku **sijil** suntikan antarabangsa, walaupun ujian AIDS ini bukanlah satu suntikan, mengatakan bahawa seseorang itu telah diberi ujian AIDS dan keputusannya negatif sebelum seseorang itu libenarkan melancong ke negara asing.

Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, pihak Kementerian Kesihatan berpendapat bahawa penyakit AIDS dalam negara kita belum begitu serius, dan oleh itu belum lagi perlu merujuk kepada WHO. Tetapi perkara ini sangat serius di merata-merata tempat di seluruh dunia dan kita tahu mahu penyakit ini masuk ke dalam negara kita. Malaysia semakin terkenal sebagai destinasi pelancongan dan hasil daripada pelancongan tidak dapat membayar gantirugi akibat kesakitan dan kesengsaraan mental yang akan dialami oleh rakyat, khususnya mangsa AIDS, keluarganya dan juga kakitangan perubatan. Oleh itu, tolonglah bawa perkara ini kepada perhatian WHO sebelum ianya terlambat.

Tuan Yang di-Pertua, tanggungan kesihatan pendatang haram oleh Jabatan Perubatan bukanlah satu berita yang baru di dalam Dewan yang mulia ini. Lebih kurang 450,000 orang asing, kebanyakannya pendatang haram, berada di Sabah, iaitu lebih kurang 25% daripada jumlah penduduk Sabah. Peruntukan yang ada adalah hanya cukup untuk warganegara Malaysia di Sabah sahaja, tetapi kebanyakan daripada wang ini dibelanjakan untuk pendatang haram. Maksud saya, baru-baru ini saya telah melawat Sandakan Hospital "Dutches of Kent" di Sabah yang mempunyai 300 katil pesakit dan mendapati bahawa wad kanak-kanak telah penuh sesak dan 80% daripada kanak-kanak di situ adalah kanak-

kanak orang asing. Di wad bersalin 60% daripada ibu-ibu ditempatkan di situ adalah isteri-isteri pendatang haram. Kami berasa di manakah hak warganegara kita. Silalah berikan peruntukan untuk rawatan pesakit-pesakit pendatang haram juga sebelum soalan etika timbul.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai pencegahan penyakit berjangkit, golongan pendatang haram inilah punca penyakit yang paling besar sekali. Mereka membawa masuk malaria, kepialu ataupun demam typhoid, kusta ataupun leprosy dan sebagainya. Mengenai masalah malaria di Sabah, saya sudahpun menyentuh dua kali sejak tahun lepas di dalam Dewan yang mulia **ini**. Saya pada kali ini tidak lagi mahu mengulangi cuma mencadangkan, Tuan Yang di-Pertua, tolonglah mempercepatkan proses penghantaran balik pendatang haram ini ke negara asal mereka. Kesihatan ialah satu sebab. Sebab-sebab lain ialah kebajikan, sosial, perumahan, keselamatan, pendidikan dan lain-lain.

Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, yang paling menakutkan sekali ialah sebab kemungkinan pemberian kad pengenalan biru kepada pendatang haram seperti yang telah dicadangkan oleh seorang M.P. di dalam Dewan Rakyat beberapa minggu yang lepas. Ini adalah satu perkara yang tidak pernah terlintas dalam fikiran kami di Sabah. Jika semua pendatang haram di Sabah diberikan kad pengenalan biru, dalam masa yang singkat sahaja, mereka akan menjadi golongan majoriti dan mereka pula akan memerintah kami.

Tuan Yang di-Pertua, kami di Sabah menentang sepenuhnya pemberian Kad Pengenalan Biru kepada pendatang haram.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini saya akan menyentuhkan sedikit mengenai Perkhidmatan Bomba di Sabah. Kini hanya terdapat 12 stesyen bomba di seluruh Negeri Sabah. Banyak pekan-pekan yang tidak mempunyai perkhidmatan bomba. Contohnya, pekan Ranau. Pekan ini terpaksa bergantung kepada badan sukarela untuk melawan kebakaran. Apakah akan terjadi jika sebuah hospital ataupun asrama sekolah, kedua-duanya selalunya dekat pekan mengalami kebakaran. Sememangnya pencegahan adalah lebih baik daripada mengubat tetapi kadangkala kita terpaksa juga mahu mengubatnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan bahawa bukan sahaja di Sabah tetapi di seluruh negara kita tiap-tiap pekan utama diberikan satu stesyen bomba.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali, izinkan saya menyuarakan mengenai FELDA. FELDA diadakan di Sabah pada penghujung tahun 1979 tetapi peneroka yang pertama mula datang pada lawat 1985, sejak itu hanya terdapat lebih kurang 940 peneroka dalam dua kawasan. Kedua-duanya di Residensi Tawau. Saya difahamkan bahawa hanya kelapa sawit sahaja ditanam. Ramai rakyat Sabah tidak menyedari faedah yang dapat diberikan oleh FELDA. Jika diberitahu bahawa 14 ekar tanah pertanian yang baik akan diberikan kepada setiap pemohon yang layak, saya percaya ramai rakyat Sabah akan menyertainya.

Tuan Yang di-Pertua, ingin saya cadangkan agar beberapa skim

yang serupa dibuka di pantai barat dari Kudat ke Ranau, Kundasang sampai Sipitang termasuklah Residensi pendalaman di mana beberapa jenis tanaman boleh ditanam, bukan sahaja kelapa sawit. Terdapat banyak pasangan suami isteri yang miskin dan layak daripada orang Sabah yang boleh mengambil peluang ini tanpa mengambil pertimbangan untuk memberi kepada rakyat dari negeri lain, malahan orang asing.

Tuan Yang di-Pertua, saya ada diberitahu bahawa hanya terdapat tiga peneroka Cina daripada 940 peneroka dalam dua kawasan yang saya sebutkan tadi. Dan hanya dua pemohon Cina dari 440 pemohon untuk pengambilan yang akan datang, masih ada kekosongan. Saya tidak percaya tidak cukup permohonan untuk memiliki tanah baik tanpa modal dan dengan bantuan lain untuk kemajuan tanah **itu**. Saya percaya dengan lebih banyak publisiti dan lebih kesungguhan tentang aktiviti dan faedah FELDA, saya yakin lebih ramai Sabahan mahupun keturunan Cina akan menjadi peneroka.

Tuan Yang di-Pertua, ini sahaja perbincangan saya atas Rang Undang-undang Perbekalan 1990. Pendek sahaja. Sekian, terima kasih .

Timbalan Yang di-Pertua: Saya memberi peluang kepada Yang Berhormat Tuan G. Rajoo.

6.15 ptg.

Tuan G. Rajoo: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya bangun di Dewan yang mulia ini untuk menyokong Rang Undang-undang Perbekalan 1990 yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan baru-baru ini. Belanjawan yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan adalah satu Belanjawan yang tidak pahit dan tidak menyusahkan rakyat,

dengan izin, 'sweet painless Budget.

Belanjawan 1990 ini dialu-alukan oleh semua golongan rakyat di negara ini termasuk pelabur-pelabur asing yang mempunyai kepercayaan dan keyakinan terhadap ekonomi Malaysia yang kukuh dan mantap. Ada golongan-golongan tertentu menyifatkan Belanjawan 1990 ini sebagai Belanjawan Pilihanraya, dengan izin, Election Budget. Saya tidak faham kenapa Belanjawan ini digelarkan sebegitu, padahal Belanjawan **dua**, tiga tahun kebelakangan inipun adalah painless Budget juga tetapi tidak ada pilihanraya semasa **itu**. Ini jelas membuktikan hasrat Kerajaan untuk distribute the Government wealth, dengan izin, kepada semua rakyat sama ada pilihanraya atau tidak.

Tuan Yang di-Pertua, rakyat Malaysia menikmati pendapatan dan taraf hidup yang tinggi kerana pertumbuhan ekonomi yang pesat. Sektor-sektor perkilangan, pembinaan dan pertanian terus berkembang dengan pesat dan membantu proses pertumbuhan ekonomi negara. Ini jelas menunjukkan kita boleh memasuki dekad 1990 dengan penuh keyakinan. Walaupun demikian inflasi dijangka meningkat 40% dibanding dengan 2.5% pada tahun yang lalu. Kita seharusnya tidak perlu bimbang atas situasi ini kerana meningkatkan kadar inflasi sebanyak 4% ini adalah disebabkan oleh peningkatan kos import akibat inflasi dunia dan perubahan dalam nilai matawang kita. Kadar inflasi di beberapa negara yang sedang membangun adalah lebih tinggi daripada negara kita, Kadar inflasi bagi negara-negara ASEAN adalah 6% secara purata bagi tahun 1988. Saya mengambil kesempatan ini mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan dan Kerajaan yang telah melaksanakan beberapa langkah fiskal dan

kewangan untuk membendung inflasi serta mengawal kenaikan harga di samping mengurangkan hutang luar negara walaupun kenaikan nilai beberapa matawang asing, terutama Yen.

Saya juga mengalu-alukan langkah Kerajaan memperbaiki iklim pelaburan di negara **ini**. Ramai pelabur dari negara perindustrian baru Asia dan Jepun ingin menempatkan semula pelaburan mereka di Malaysia kerana Malaysia merupakan sebuah negara yang menarik dan menguntungkan untuk melabur. Sistem infrastruktur yang baik adalah penting untuk meningkatkan kecekapan dan daya saing ekonomi negara. Kerajaan haruslah menambahkan peruntukan bagi menemui keperluan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya sedar pertumbuhan ekonomi yang pesat telah menambahkan peluang pekerjaan dan mengurangkan kadar pengangguran. Akan tetapi sektor-sektor pertanian, pembinaan, perkilangan dan perladangan selalu menghadapi masalah kekurangan tenaga pekerja. Saya amat setuju dengan saranan Yang Berhormat Menteri Kawangan supaya pencari-pencari kerja janganlah memilih sangat tetapi menerima sebarang kerja yang ada. Adalah lebih baik mempunyai kerja dari tidak kerja langsung. Akan tetapi, beribu-ribu rakyat negara asing berpusu-pusu datang ke negara ini secara haram atau halal untuk mencari rezeki di negara ini dengan bekerja di sektor-sektor tersebut tadi.

Kita mengalami situasi di mana rakyat-rakyat negara kita menganggur manakala rakyat asing sanggup bekerja di negara ini.

Keadaan ini bertambah buruk apabila terdapat rakyat negara ini keluar ke negara asing seperti Jepun, Hongkong, Kanada dan sebagainya mencari peluang pekerjaan kononnya kadar upah di negara ini lebih rendah jika dibanding dengan kadar upah di negara asing **itu**, Kerajaan haruslah bertindak mengawal situasi ini agar belia-belia kita tidak keluar dari negara kita untuk mencari rezeki dengan menggalakkan mereka berkhidmat dalam negara ini di sektor-sektor perladangan, pembinaan dan perkilangan. Kerajaan haruslah memastikan kadar upah yang dibayar kepada pekerja-pekerja sektor ini menarik dan munasabah. Pengawalan yang ketat hendaklah dibuat agar majikan sektor-sektor ini tidak mengeksploitasikan pekerja-pekerjanya .

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini. bahawa kekurangan pekerja mahir dan separuh mahir amatlah ketara di sektor perladangan terutama sekali di ladang-ladang getah dan kelapa sawit di negara ini. Rakyat Malaysia tidak berminat bekerja di sektor-sektor ini kerana kekurangan kemudahan sosio-ekonomi seperti kemudahan perumahan, perubatan, pengangkutan dan sebagainya. Tambahan pula, pekarja-pekerja sektor ini tidak dibayar gaji bulanan, tetapi dibayar gaji harian. Pembayaran gaji harian ini tidak menarik dan menjadi suatu halangan yang besar dalam penarikan pekerja untuk bekerja di ladang-ladang getah dan kelapa sawit.

Oleh yang demikian, saya merayu kepada Kerajaan untuk mengkaji kemungkinan meyakinkan pihak majikan membayar gaji bulanan kepada pekerja-pekerja ladang untuk mengurangkan masalah pengangguran dan menambahkan daya tarikan di sektor ini. Saya difahamkan pihak pekerja dan majikan sedang dalam proses perundingan bagi gaji bulanan dan situasi sekarang adalah amat ideal untuk Kerajaan campur-

tangan dan menyelesaikan masalah ini. Di samping itu, Kerajaan haruslah meningkatkan lagi kemudahan infrastruktur seperti jalanraya, api, air, telefon, kemudahan hospital dan perumahan di semua ladang di negara ini agar menarik lebih ramai lagi pekerja berminat di sektor ini, walaupun Kerajaan terpaksa membelanjakan lebih banyak wang lagi dalam bidang pembangunan bagi sektor **ini**.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat tertarik dengan strategi Belanjawan tahun ini yang bertujuan pertamanya, menggalakkan pertumbuhan di tahap yang tinggi, yang kedua, mengawal kenaikan harga dan ketiga meneruskan kawalan ketat ke atas belanjawan awam. Langkah-langkah yang dicadangkan oleh Kerajaan pasti akan menambahkan peluang pertumbuhan ekonomi negara dan menyumbangkan ke arah integrasi nasional.

Saya mengalu-alukan langkah Kerajaan mengurangkan cukai pembangunan dari 5% kepada 4%. Saya yakin dan percaya cukai pendapatan syarikat yang rendah serta pengurangan cukai pembangunan ini akan menjadikan Malaysia lebih 'competitive' di rantau ini dan akan menggalakkan lebih banyak pelaburan.

Pangurangan cukai ini pasti akan memberi lebih keuntungan kepada syarikat-syarikat negara **ini**, Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, saya berharap keuntungan besar yang diperolehi oleh syarikat-syarikat ini sedikit sebanyak hendaklah disumbangkan semula kepada pekerja-pekerja dengan memberi bonus atau gaji yang tinggi serta kemudahan yang baik agar mereka bekerja dengan lebih yakin dan dedikasi lagi. Saya percaya inilah tujuan dan sebab Kerajaan memberi insentif kepada majikan dan syarikat, bukan terus-menerus kepada pekerja ataupun, dengan izin, *direct to the workers*'. Pemansuhan sekatan kepada bonus yang tertakluk kepada sumbangan KWSP juga

dibuat dengan tujuan **ini**. Upah yang tinggi pasti akan menambahkan produktiviti di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengalu-alukan langkah Kerajaan yang membantu industri pembinaan dan perumahan. Beberapa syarat baru yang diumumkan untuk pegawai-pegawai Kerajaan pasti akan membantu industri perumahan yang menghadapi kemerosotan beberapa tahun kebelakangan ini. Dengan adanya cadangan-cadangan baru ini, pegawai-pegawai Kerajaan pasti akan gembira dan lebih ramai lagi akan memiliki rumah sendiri. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, saya amat berdukacita kerana Kerajaan tidak mengumumkan sesuatu bagi pegawai-pegawai Kerajaan yang telah membeli rumah di projek-projek terbengkalai sejak beberapa tahun dahulu.

Beberapa pegawai Kerajaan yang membeli rumah tetapi projeknya terbengkalai kini menghadapi masalah kerana pemotongan gaji di samping membayar sewa rumah, menanti dengan harapan dan doa projeknya itu akan siap. Oleh yang demikian, saya mohon kepada Kerajaan supaya mengkaji kemungkinan memberhentikan potongan bayaran balik ke atas pinjaman yang dibuat sehingga projeknya disiapkan kelak.

Saya juga berharap Kerajaan akan mengambil sesuatu tindakan untuk menghidupkan kembali atau, 'revive' projek-projek terbengkalai agar rumah-rumah itu siap dan diserahkan kepada pembeli. Kerajaan bolehlah mengkaji 'viability' setiap projek sebelum campurtangan dan menyiapkannya. Perkara ini akan pasti menyejukkan hati beribu-ribu pegawai Kerajaan yang telah membeli rumah di projek-projek terbengkalai.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan juga sedang berusaha memberi insentif kewangan kepada pegawai-pegawai Kerajaan yang menunjukkan

perkhidmatan cemerlang dalam civil service . Saya pasti usaha Kerajaan untuk meningkatkan produktiviti melalui QCC akan berjaya dengan adanya 'Excellent Service Award' **ini**. Akan tetapi, saya berharap sistem pemilihan pegawai yang cemerlang ini haruslah dikaji dan dibuat dengan sepenuh-penuh waspada agar ianya tidak disalahgunakan dan 'abused'. Jika tidak, saya khawatir Kerajaan akan menghadapi kesulitan dan akan didakwa mengamalkan prinsip-prinsip pilih kasih yang akan membawa implikasi negatif terhadap perkhidmatan Kerajaan.

Kerajaan juga harus berwaspada terhadap pegawai-pegawai Kerajaan yang melaksanakan sesuatu projek seperti ini tanpa mengira sensitiviti Kerajaan. Kelakuan dan tindakan mereka akan meletakkan Kerajaan dalam keadaan yang susah iaitu dengan izin, 'their over-enthusiastic action will put the Government in a difficult position'. Oleh yang demikian, saya berharap Kerajaan akan memastikan dan mengawal penganugerahan 'Excellent Service Award' ini agar tidak terdapat sebarang penyelewengan.

Tuan Yang di-Pertua, seperti kita sedia maklum, Kerajaan sedang mengambil beberapa langkah yang positif untuk meningkatkan imej negara di kalangan pelabur-pelabur asing yang berminat melabur di negara ini . Di samping itu Kerajaan juga berusaha mewujudkan suatu jentera Kerajaan yang paling effective dalam sektor awam dengan mengadakan beberapa etika kerja yang menggalakkan. Akan tetapi, usaha-usaha Kerajaan ini sengaja diperkecilkan oleh pihak-pihak yang tertentu terutama sekali parti-parti Pembangkang dan pegawai-pegawai tertinggi mereka. Mereka telah mencemarkan nama baik Kerajaan di forum- forum antarabangsa dengan tujuan memperkecilkan status dan imej Kerajaan.

Saya sendiri telah berpeluang mewakili negara kita untuk menghadiri Persidangan Komanwel Parlimen (CPA) di Australia pada tahun 1986 di mana seorang Ahli Pembangkang, Yang Berhormat Encik Karpal Singh, mencaci Kerajaan dan menjatuhkan imej rakyat dan maruah Kerajaan yang kita cintai ini dengan beberapa tohmahan dan tuduhan yang tidak berasas ."

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, masa sudah cukup.

Tuan G. Rajoo: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ini ditangguhkan sehingga esok, jam 2.30 petang.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.